

Terjemahan Fiqh Zakat Dr. Yusuf Al-Qaradawi Jilid 2

Editor:

Patmawati Ibrahim¹, Ahmad Husni Abd Rahman², Muhammad Furqan Abdullah³,
Nur Zainatul Nadra Zainol⁴, Ahmad Zaki Mohamad Malom⁵

E-mel:

nadra@uthm.edu.my⁴

Abstrak: Almarhum Dr. Yusuf al-Qaradawi merupakan sosok yang tidak asing dalam dunia fiqh khususnya fatwa, pemikiran dan dakwah Islam. Beliau dilahirkan pada 9 September 1926 di sebuah perkampungan Saft Turab di Mesir. Mendapat pendidikan rasmi di Universiti al-Azhar, dengan ijazah pertama dalam bidang Usuluddin, kemudian pada tahun 1973 beliau memperoleh ijazah kedoktoran dengan kelas pertama melalui tesisnya yang bertajuk “Zakat dan Kesannya dalam Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat.” Ia kemudiannya dikembangkan kepada kitab Fiqh al-Zakat yang dianggap sebagai adiknya beliau yang diterjemahkan buat julung kalinya ke dalam bahasa Melayu. Naskhah asal yang dirujuk adalah daripada cetakan Maktabah Wahbah yang beroperasi di Mesir, edisi ke-25 iaitu edisi terkini yang telah dikemaskini terutamanya aspek takhrij hadis dan beberapa pandangan beliau umpamanya berkaitan zakat saham serta rujuk silang daripada beberapa terbitan naskhah Arab, terjemahan bahasa Indonesia dan Inggeris.

Penglibatan beliau mencakupi dunia akademik, pentadbiran, politik dan kemasyarakatan menjadikan beliau ulama kontemporari prolific. Beliau merupakan pelopor kepada madrasah pemikiran Wasatiyyah yang mempunyai ramai pengikut dan anak murid di seluruh negara. Beliau juga amat menitik beratkan kesatuan dalam kalangan para ulama dari pelbagai aliran yang menekankan tentang keperluan untuk bersatu dan bersepakat pada perkara yang dipersetujui terutama pada perkara prinsip serta berlapang dada atas perkara yang diselisihkan pada perkara yang bersifat cabang. Bagi memenuhi hasrat ini, beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Kesatuan Ulama Muslim Antarabangsa pada 2006 yang dianggotai oleh ulama dan pemikir dari pelbagai negara dan juga aliran. Penglibatan beliau terutama sekali untuk menyebar luaskan kefahaman Islam yang betul amat luas dalam pelbagai aspek dan lapangan selain bidang penulisan ilmiah, iaitu bidang dakwah dan kepimpinan, bidang kefatwaan, bidang ekonomi dan perbankan Islam, juga keanggotaan dalam pelbagai persatuan. Beliau dianggap sebagai faqih dalam kalangan para pendakwah dan juga pendakwah dalam kalangan ahli fiqh yang membawa prinsip kemudahan (taysir) dalam aspek fiqh dan memberi khabar gembira (tabsyir) dalam aspek dakwah.

Kata kunci: Zakat, Maktabah Wahbah, prolific, wasatiyyah, taysir, tabsyir

فِقْهُ الزَّكَاةِ

TERJEMAHAN FIQH ZAKAT

DR. YUSUF AL-QARADAWI



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
الهيئة العامة لجمع الزكاة في الكويت



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



Penerbit
UTHM



TERJEMAHAN
FIQH ZAKAT

DR. YUSUF AL-QARADAWI



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
مركز قوتون زكاة مجلس اكاديمية اسلام ولاة قوتون

AHLI KUMPULAN MAIWP



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



TERJEMAHAN FIQH ZAKAT

DR. YUSUF AL-QARADAWI

PATMAWATI IBRAHIM
AHMAD HUSNI ABD RAHMAN
MUHAMMAD FURQAN ABDULLAH
NUR ZAINATUL NADRA ZAINOL
AHMAD ZAKI MOHAMAD MALOM



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Hak menterjemah adalah milik Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan sebarang usaha menterjemah, mengedit atau menghasilkan semula terjemahan hendaklah mendapat kelulusan dan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pusat Pungutan Zakat MAIWP.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-001-1

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698 / 8529
No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>
Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
(MAPIM)

Dicetak oleh:

MASHREQ INTERNATIONAL FOR BOOKS SDN BHD

35-02, Jalan Melati Utam 4, Taman Melati,
53100, Kuala Lumpur, Malaysia



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-001-1

ISI KANDUNGAN

KUMPULAN PENTERJEMAH & PENYEMAK PPZ-MAIWP	v
KUMPULAN PENTERJEMAH & PENYEMAK UTHM	vii
SENARAI SINGKATAN	xxiii
JADUAL TRANSLITERASI	xxv
PRAKATA	xxix
BAB KEEMPAT	
ASNAF ZAKAT	
Pendahuluan	2
Keterangan al-Quran Berkaitan Penerima Zakat	3
Rahsia Penekanan al-Quran terhadap Penerima Zakat	4
FASAL 1 FAKIR DAN MISKIN	7
Siapakah Golongan Fakir dan Miskin?	7
Pandangan Mazhab Hanafi Berkenaan Fakir dan Miskin	9
Pandangan Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali terhadap Fakir dan Miskin	10
Golongan Kaya yang tidak diberi Peruntukan Fakir dan Miskin	11
Kekayaan yang Menghalang untuk Mengambil Harta Zakat	12
Mazhab al-Thauri dan yang Lain	12
Mazhab Hanafi	13
Mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali	16
Golongan Miskin yang Mampu Berusaha	18
Golongan yang Mengkhuskan Diri untuk Beribadat dan Tidak Bekerja Tidak Boleh Menerima Zakat	21
Golongan Penuntut Ilmu diharuskan Menerima Zakat	21
Golongan yang Memelihara Diri daripada Meminta Lebih Diutamakan	22
Jumlah Kadar Zakat yang diberikan Kepada Fakir dan Miskin	24
Mazhab Pertama: Pemberian Zakat Seumur Hidup	24
Memberi Zakat sehingga Menjadi Kaya	27
Mazhab Kedua: Pemberian Zakat Cukup untuk Keperluan Setahun (<i>Kifayah Sanah</i>)	27
Perkahwinan Merupakan Suatu Keperluan	28
Pemilikan Buku sebagai Tanda Mencukupi	29
Pendapat Manakah yang Lebih Utama Diikuti?	31
Mazhab lain yang Mengehadkan Kadar Pemberian Zakat	32
Pendapat Imam Al-Ghazali Mengenai Had Kadar Pemberian Zakat	32
Abu 'Ubaid Membuat <i>Tarjih</i> Pendapat yang Memberi Keluasan dalam Pemberian Zakat	34

Taraf Hidup yang Munasabah	35
Zakat adalah Suatu Bentuk Bantuan yang Terancang dan Berterusan	37
FASAL 2 AMIL ZAKAT DAN INSTITUSI PENTADBIRAN HARTA ZAKAT	39
Kewajipan Pemerintah Melantik Amil Zakat	39
Skop Tugas Amil Dalam Pengurusan Zakat	40
Pengurusan Zakat	40
1. Bahagian Kutipan Zakat dan Tugasnya	40
2. Bahagian Agihan Zakat dan Tugasnya	41
Memastikan Kelayakan Penerima Zakat	42
Syarat-Syarat Amil Zakat	45
Berapakah Bahagian Amil Zakat?	49
Penegasan Rasul SAW terhadap Pemeliharaan Harta Zakat	50
Memberi Hadiah Kepada Petugas adalah Rasuah	53
Panduan Nabi berkaitan Amil Zakat	54
a. Bertimbang Rasa terhadap Pembayar Zakat	54
b. Doa untuk Pemilik Harta	55
Adakah Mereka yang Menguruskan Urusan Kaum Muslimin <i>dqiaskan</i> dengan Para Amil Zakat?	55
FASAL 3 GOLONGAN MUALAF	57
Dalil Golongan Mualaf sebagai Penerima Zakat	57
Kategori Golongan Mualaf	57
Adakah Bahagian Mualaf Gugur Setelah Kewafatan Rasulullah SAW?	61
Menyangkal Dakwaan <i>Nasakh</i>	65
Keperluan untuk Menarik Hati (Kepada Islam) tidak Pernah Terhenti	70
Siapakah yang Berhak Menarik Hati dan Menyalurkan Zakat Kepada Mualaf?	72
Ke Manakah disalurkan Bahagian Mualaf pada Zaman Kini?	73
Keharusan Menarik Hati Melalui Harta selain Zakat	75
FASAL 4 MEMERDEKAKAN HAMBAA	77
Mengapakah al-Quran Mengibaratkan sebahagian Asnaf Zakat dengan Menggunakan Huruf (<i>Lam</i>) dan sebahagiannya dengan Huruf (<i>Fi</i>)?	77
Pengertian (<i>Fi al-Riqab</i>)	80
Islam Mendahului Usaha Menghapuskan Sistem Perhambaan	83
Bolehkah Tawanan Muslim ditebus Menggunakan Peruntukan <i>al-Riqab</i> ?	85
Bolehkah Masyarakat yang dijajah diberikan Bantuan daripada Peruntukan <i>al-Riqab</i> untuk Mencapai Kemerdekaan?	86
FASAL 5 PENGHUTANG (ORANG YANG BERHUTANG)	89
Siapakah Golongan Penghutang (<i>al-Gharimun</i>)?	89
Penghutang untuk Kemaslahatan Diri Sendiri	90
Orang yang ditimpa Bencana Termasuk dalam Kategori Penghutang	90

Syarat Pemberian Zakat kepada Penghutang untuk Maslahat Dirinya	91
Berapakah Kadar Zakat yang Layak diberikan (Kepada Penghutang) demi Maslahat Sendiri?	93
Keunggulan Islam dalam Pendiannya terhadap Penghutang	94
Kategori Kedua: Penghutang untuk Kemaslahatan Orang Lain	98
Membayar Hutang Si Mati daripada Wang Zakat	101
Pinjaman tanpa Faedah (<i>Qard Hasan</i>) daripada Wang Zakat	103
FASAL 6 FI SABILILLAH	105
Mazhab Hanafi	106
Mazhab Maliki	108
Mazhab Syafie	109
Mazhab Hanbali	111
Kesepakatan Empat Mazhab Tentang Asnaf <i>Fi Sabilillah</i>	113
Ulama yang Memperluaskan Maksud <i>Sabilillah</i>	114
Perbincangan yang dinukilkan oleh al-Qaffal daripada sebahagian Fuqaha	114
Pendapat yang disandarkan Kepada Anas Bin Malik dan al-Hasan al-Basri serta Perbincangan Mengenainya	115
Pandangan Mazhab al-Imamiyyah al-Ja'fariyyah	116
Pandangan Mazhab al-Zaidiyyah	116
Pendapat Pengarang al-Raudhah al-Nadiyyah	117
Pendapat Ulama Ahli Hadis seperti al-Qasimi	117
Pendapat Rasyid Ridha dan Mahmud Syaltut	117
Fatwa Syeikh Makhluuf	119
Pertimbangan dan <i>Tarjih</i>	120
<i>Sabilillah</i> dalam Konteks al-Quran	121
Makna <i>Sabilillah</i> apabila digandingkan dengan Kalimah <i>al-Infaq</i>	124
Maksud <i>Sabilillah</i> pada Konteks Ayat berkaitan Asnaf Zakat	128
Dalil Kami dalam Memperluaskan Makna Jihad	131
Kepada Siapakah bahagian Asnaf <i>Sabilillah</i> diagihkan pada Masa Kini?	134
Membebaskan Negara Islam daripada Pemerintahan Orang Kafir	135
Tidak Semua Peperangan dikategorikan sebagai <i>Fi Sabilillah</i>	136
Berusaha Mengembalikan Pemerintahan Islam termasuk dalam Jihad <i>Fi Sabilillah</i>	139
Kepelbagaian Bentuk Jihad Islam pada Masa Kini	140
FASAL 7 IBN SABIL	143
Siapakah <i>Ibn Sabil</i> ?	143
Keprihatinan al-Quran terhadap Istilah <i>Ibn Sabil</i>	143

Hikmah Keprihatinan al-Quran Terhadap <i>Ibn Sabil</i>	146
Salah Satu Bentuk Jaminan Sosial yang tiada Tandingannya dalam Sejarah Umat Manusia dan Sistem Kemasyarakatan	151
Permasalahan Golongan yang Baru Memulakan Pemusafiran dan yang Terputus Bekalan semasa Perjalanan	152
Pendapat Jumhur Ulama	152
Pendapat Imam al-Syafie tentang <i>Ibn Sabil</i>	152
Pendapat Penulis Tentang <i>Ibn Sabil</i>	153
Syarat-Syarat Memberi Zakat Kepada <i>Ibn Sabil</i>	154
Berapakah Bahagian Peruntukan Zakat <i>Ibn Sabil</i> ?	156
Wujudkah <i>Ibn Sabil</i> pada Zaman Sekarang?	158
Beberapa Contoh Sebenar tentang Kewujudan <i>Ibn Sabil</i>	158
Golongan yang dihalau dari Tempat Asal dan Golongan Pelarian yang Meminta Perlindungan	158
Orang yang Mempunyai Harta tetapi tidak Mampu Menggunakannya walaupun berada di Negerinya	159
Orang Musafir demi Sesuatu Kemaslahatan	159
Golongan yang tiada Tempat Tinggal/Gelandangan	159
Anak Pungut	160
FASAL 8 BEBERAPA PERBAHASAN TENTANG ASNAF ZAKAT YANG BERHAK	161
Pendapat beberapa Mazhab Fiqh tentang Merangkumkan Pengagihan Zakat Kepada Semua Asnaf	161
Kajian Komprehensif oleh Pengarang al-Raudhah al-Nadiyyah-SiddiqHassan Khan	164
<i>Pentarjihan</i> Abu 'Ubaid	165
<i>Pentarjihan</i> Rasyid Ridha	166
Kesimpulan Perbahasan mengenai Pengagihan Zakat secara Menyeluruh Kepada Semua Asnaf	167
FASAL 9 GOLONGAN YANG TIDAK BERHAK MENERIMA ZAKAT	171
Perbahasan Pertama	
Status Kekayaan Kanak-Kanak disebabkan oleh Kekayaan Ibu Bapanya	173
Perbahasan Kedua	
Golongan yang Kuat dan Mampu Bekerja	175
Perbahasan Ketiga	
Adakah Zakat boleh diberikan Kepada Bukan Muslim?	177
Zakat tidak boleh diberikan Kepada Golongan Tidak Beragama, Murtad dan Orang yang Memerangi Islam	177
Memberi Sedekah (Zakat) Kepada Ahli <i>Zimmah</i>	178
Pemberian daripada Sedekah Sunat	178

Pemberian daripada Zakat Fitrah	179
Pemberian daripada Zakat Harta Tidak diharuskan Menurut Jumhur	181
Perbincangan Dakwaan Wujudnya Ijmak dalam Isu Ini	181
Pertimbangan dan <i>Pentarjihan</i>	183
Adakah Orang <i>Fasiq</i> boleh diberi Zakat?	185
Kenyataan Sayyid Rasyid Ridha	187
Memberi Zakat Kepada Golongan yang Menyalahi Prinsip Aqidah Umat Islam	189
Perbahasan Keempat	
Adakah dibolehkan Memberi Zakat Kepada Suami, Kedua Ibu Bapa dan Kaum Kerabat?	192
Tidak diharuskan Memberi Zakat Kepada Isteri	196
Adakah Isteri boleh Memberi Zakat Kepada Suaminya Yang Fakir?	196
Memberikan Zakat Kepada Kaum Kerabat yang lain antara Pihak yang Menghalang dan yang Membolehkan	199
Golongan yang Membolehkan Memberi Zakat Kepada Kaum Kerabat Terdekat	201
Perbincangan Dan <i>Pentarjihan</i>	202
Perbahasan Kelima	
Keluarga Nabi Muhammad SAW	206
Beberapa Riwayat Hadis yang Mengharamkan Bersedekah Kepada Keluarga Muhammad SAW	206
Siapakah yang Tergolong dalam Keluarga Muhammad SAW?	208
Apakah Hukumnya apabila Mereka tidak Mendapat <i>Ghanimah</i> dan Harta <i>Fai`</i> ?	212
Perbincangan Dan <i>Pentarjihan</i>	213
Perbahasan Keenam	
Kesalahan dalam Menentukan Sasaran Zakat	222
Apakah Hukum Sekiranya Orang yang Berzakat Tersilap dalam Menentukan Penerima Zakatnya?	222
Menurut Mazhab Hanafi	224
Menurut Mazhab Maliki	225
Menurut Mazhab Zaidiyyah	226
BAB KELIMA	
CARA MEMBAYAR ZAKAT	
FASAL 1 HUBUNGAN PEMERINTAH DENGAN ZAKAT	231
Pendahuluan	231
Tanggjawab Pemerintah dan Hal Ehwal Zakat	232
Dalil al-Quran terhadap Perkara Ini	232
Hadis-Hadis Nabi	233
Sunah <i>Amaliah</i> (Perbuatan) daripada Nabi SAW dan Khulafa al-Rasyidin	234

Fatwa Para Sahabat	239
Hikmah Peraturan Ini	240
Baitulmal Zakat	241
Harta Zahir dan Harta Batin serta Orang yang Menguruskan Zakat Ini	242
Pendapat Mazhab Hanafi	243
Pendapat Mazhab Maliki	243
Pendapat Mazhab Syafie	244
Pendapat Ulama Mazhab Hanbali	245
Pendapat Mazhab Zaidi	247
Pendapat Mazhab Ibadhi	248
Pendapat Imam al-Sya'bi, al-Baqir, Abu Razin dan al-Auza'i	249
Perbandingan dan <i>Pertarjihan</i>	249
Pendapat Abu 'Ubaid dan Tanggapan terhadap Pendapatnya	253
Siapakah yang Bertanggungjawab Mentadbir Zakat Masa Kini?	257
Beberapa Pendapat Mazhab mengenai Orang yang Menyembunyikan Harta atau Tidak Mahu Mengeluarkan atau Mengaku Telah Mengeluarkan Zakat	258
Menurut Ulama Mazhab Hanafi	259
Menurut Ulama Mazhab Maliki	260
Menurut Ulama Mazhab Syafie	260
Ijmak Ulama tentang Menghukum Orang yang Tidak Mahu Mengeluarkan Zakat dan Mengambilnya secara Paksa	261
Menghukum Orang yang enggan Mengeluarkan Zakat dengan Menyita Separuh Hartanya dan Isu di Sekitarnya yang Diperselisihkan	261
Perbincangan dan <i>Pentarjihan</i>	264
Menurut Ulama Mazhab Hanbali	265
Menurut Ulama Mazhab Zaidi	267
Menyerahkan Zakat Kepada Penguasa yang Zalim	267
Pendapat yang Membolehkan secara Mutlak	268
Pendapat yang Melarang secara Mutlak	270
Golongan yang Memperincikan Pendapatnya	270
Menurut Mazhab Maliki	266
Pendapat Ulama Mazhab Hanafi	271
Pendapat Ulama Mazhab Hanbali	272
Pertimbangan dan <i>Tarjih</i>	273
Penguasa yang Berpegang Teguh Kepada Ajaran Islam Merupakan Syarat	273
FASAL 2 KEDUDUKAN NIAT DALAM IBADAT ZAKAT	275
Pensyaran Niat dalam Zakat	276

Pendapat al-Auza'i dan Ulasannya	277
Maksud Niat dalam Berzakat	278
Niat pada Keadaan Pemerintah Yyang Mengambil Zakat	278
Waktu Niat dalam Mengeluarkan Zakat	280
FASAL 3 MENUNAIKAN ZAKAT DENGAN NILAI HARGA	283
Perbezaan Pendapat Ulama tentang Menunaikan Zakat dengan Nilai	283
Sebab Perbezaan Pendapat	284
Dalil yang Melarang Mengeluarkan Zakat dengan Nilai Harga	284
Hujah Mereka yang Membolehkan Pengeluaran Zakat dengan Nilai Harga	287
Perbandingan dan <i>Pentarjihan</i>	289
FASAL 4 MEMINDAHKAN ZAKAT KE TEMPAT BUKAN PENGELUAR ZAKAT	293
Berdasarkan Ijmak Ulama Boleh Memindahkan Harta Zakat dari Suatu Daerah lain jika Penduduknya Tidak Memerlukannya	297
Beberapa Pendapat Mazhab tentang Memindahkan Harta Zakat jika Penduduk Setempat Masih Memerlukan	298
Keharusan Memindahkan Harta Zakat berdasarkan Ijtihad Penguasa	299
Keharusan Seseorang Individu Memindahkan Zakat disebabkan Suatu Keperluan dan Kemaslahatan	304
FASAL 5 HUKUM MENYEGERAKAN PENGELUARAN ZAKAT DAN MELEWATKANNYA	305
Wajib Mengeluarkan Zakat dengan Segera	305
Bersegera Mengeluarkan Zakat	307
Mengeluarkan Zakat Sebelum Cukup <i>Haul</i>	308
Hujah yang Melarang	309
Hujah yang Mengharuskan	309
Adakah Mempercepatkan Pengeluaran Zakat itu ada Hadnya?	311
Adakah dibolehkan Menangguhkan Pembayaran Zakat?	312
Melewatkan Pengeluaran Zakat tanpa ada Keperluan	314
Jika Harta Zakat Hilang	314
Harta Zakat Rosak setelah diwajibkan namun belum dikeluarkan	315
Sebab Perbezaan Pendapat Ulama dalam Masalah Tersebut	315
Adakah Gugur Kewajipan Zakat yang Sudah Lama Berlalu?	316
Adakah Gugur Kewajipan Zakat dengan Sebab Meninggal Dunia?	317
Kedudukan Hutang Zakat berbanding Hutang-Hutang yang Lain	319
FASAL 6 PELBAGAI PERBAHASAN MENGENAI PEMBAYARAN ZAKAT	323
Mencari-cari Alasan untuk Menggugurkan Kewajipan Zakat	323
Perbezaan Pendapat dalam Kalangan Fuqaha	323

Mazhab Maliki Mengharamkan Helah dan Pelaksanaannya Terbatal	324
Mazhab Hanbali Berpendapat seperti Mazhab Maliki	325
Mazhab Zaidi Mengharamkan Helah	326
Apakah yang perlu diucapkan oleh Penerima dan Pemberi Zakat?	328
Mewakilkkan dalam Mengeluarkan Zakat	332
Memperlihatkan Harta Zakat ketika Mengeluarkan	332
Adakah Fakir Miskin perlu diberitahu Bahawa Pemberian itu adalah Zakat?	333
Membebaskan Hutang daripada Orang yang Susah, adakah boleh dianggap Zakat?	334
Adakah Memberi Manfaat Kepada Fakir Boleh dikira sebagai Zakat?	337
BAB KEENAM	
MATLAMAT DAN KESAN ZAKAT TERHADAP KEHIDUPAN INDIVIDU DAN MASYARAKAT	
Pendahuluan	340
FASAL 1 TUJUAN ZAKAT DAN KESANNYA KEPADA KEHIDUPAN PERIBADI	343
Perbahasan Pertama	
Matlamat Zakat dan Kesannya Kepada Pemberi Zakat	343
Zakat Menyucikan Jiwa daripada Sifat Kikir	344
Zakat Mendidik ke arah Infaq dan Menyumbang	346
Berakhlak dengan Akhlak Allah SWT	352
Zakat Merupakan Manifestasi Syukur atas Nikmat Allah SWT	353
Zakat dapat Merawat Hati daripada Cinta Dunia	354
Zakat Mengembangkan Keperibadian Orang Kaya	356
Zakat Menarik Rasa Cinta	357
Zakat Membersihkan Harta	358
Zakat tidak Membersihkan Harta yang Haram	360
Zakat Mengembangkan Harta	362
Perbahasan Kedua	
Tujuan Zakat dan Kesannya Kepada Penerima	364
Zakat Membebaskan Penerimaannya daripada Kehinaan Berhajat Kepada Manusia	364
Zakat Menghilangkan Sifat Dengki dan Benci	370
FASAL 2 TUJUAN ZAKAT DAN KESANNYA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT	375
Zakat dan Jaminan Sosial	376
Zakat dari Sudut Ekonomi	379
Zakat dan Peneguhan Jiwa Umat	380
Masalah Jurang Perbezaan Sosioekonomi	382
Masalah Meminta-Minta (Mengemis)	385

Islam Melarang Mengemis: Dari Sudut Pendidikan dan Pelaksanaan	385
Bekerja adalah Prinsip Asas	387
Haram Meminta-Minta (Mengemis) Kepada Orang Lain	387
Tahap Kekayaan yang dilarang Meminta-Minta	389
Rawatan secara Praktikal bagi Masalah Meminta-Minta	390
Masalah Dengki dan Rosaknya Hubungan sesama Manusia	394
Persaudaraan Merupakan Asas Tujuan Islam	394
Masyarakat Contoh berdasarkan Persaudaraan Islam	394
Syariat Islam Sesuai dengan Realiti	396
Pembunuhan ke atas Manusia Terjadi Sejak Dahulu	396
Pendirian Islam Terhadap Permusuhan dan Persengketaan	398
Masyarakat Perlu Berusaha Mendamaikan Permusuhan	398
Suruhanjaya Perdamaian	401
Kekanga Harta	401
Persoalan Fiqh	402
Masalah Bencana	403
Hidup Berkecukupan dan Aman	403
Bencana kerana Faktor Zaman	404
Bencana Alam Menyebabkan Terbinanya Sistem Perlindungan di Negara Barat (Sistem Insurans)	404
Sistem Takaful Islam	404
Bahagian <i>Gharimin</i> (Orang yang Berhutang) diperluas untuk Bencana Alam	405
Berapa Kadar Zakat bagi Orang yang dilanda Musibah	406
Bencana Ladang	406
Fenomena Hidup Membujang	406
Tiada Galakan Membujang dalam Islam	406
Masalah Gelandangan	409
Peringatan	410
BAB KETUJUH ZAKAT FITRAH	
FASAL 1 PENGERTIAN ZAKAT FITRAH, HUKUM DAN HIKMAHNYA	415
Pengertian Zakat Fitrah	415
Kewajipan Zakat Fitrah	416
Hikmah Pensyariatan Zakat Fitrah	419
FASAL 2 KE ATAS DAN KEPADA SIAPA ZAKAT FITRAH ITU DIWAJIBKAN?	423
Ke atas Siapa Zakat Fitrah Itu diwajibkan?	423

Apakah Zakat Fitrah Wajib pada Isteri dan Anak Kecil?	424
Wajibkah Zakat Fitrah ke atas Janin?	426
Adakah disyaratkan Nisab pada Zakat Fitrah?	427
Syarat Kewajipan Zakat Fitrah bagi Orang Fakir	431
Hutang yang Tertanggung tidak Menghalang Kewajipan Zakat Fitrah	432
FASAL 3 KADAR DAN JENIS ZAKAT FITRAH	433
Mazhab yang Berpendapat Kadar Wajib sebanyak Setengah Gantang Makanan	434
Dalil Wajibnya Satu Gantang	435
Dalil Abu Hanifah yang Menyatakan Setengah Gantang	436
Komen dan <i>Tarjih</i>	440
Adakah dibenarkan Mengeluarkan Zakat Melebihi Satu Gantang?	443
Kadar Ukuran Satu Gantang	445
Jenis Makanan yang dikeluarkan untuk Zakat Fitrah	446
Mengeluarkan Zakat Fitrah dengan Nilai	449
Permasalahan berkaitan Pembayaran Zakat dengan Nilai	452
FASAL 4 WAKTU MENGELUARKAN ZAKAT FITRAH	453
Tempoh Masa Menunaikan Zakat Fitrah	453
Bilakah Waktu untuk Mengeluarkan Zakat Fitrah?	454
FASAL 5 GOLONGAN YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT FITRAH	459
Ijmak Ulama bahawa Golongan yang Berhak Menerima Zakat Fitrah adalah Fakir Miskin yang Beragama Islam	459
Perbezaan Pendapat tentang Golongan Fakir Miskin Ahli <i>Zimmah</i>	459
Adakah Zakat Fitrah diagihkan Kepada Lapan Asnaf?	460
Orang yang tidak Berhak Menerima Zakat Fitrah	462
Golongan Fakir dalam Negeri lebih diutamakan	462
BAB LAPAN	
ADAKAH KEWAJIPAN LAIN SELAIN ZAKAT	
FASAL 1 PENDAPAT YANG MENOLAK KEWAJIPAN SELAIN ZAKAT	465
Pandangan Mereka terhadap Nas yang Bertentangan	469
FASAL 2 PENDAPAT YANG MENYATAKAN DALAM HARTA ADA KEWAJIPAN SELAIN ZAKAT	471
Dalil-Dalil Golongan Ini	471
1. Dalil Hak Kewajipan terhadap Tanaman ketika Waktu Menuai	474
2. Dalil Hak Kewajipan terhadap Binatang Ternakan dan Kuda	475
3. Hak Kewajipan terhadap Tetamu	479
4. Hak <i>al-Ma'un</i> (Menafikan Hak)	484

5. Hak Kewajiban saling Menolong antara Orang Islam	486
Ibn Hazm Mempertahankan Pendapat Ini	489
Dalil Sunah	491
<i>Athar Sahabat</i>	492
Perbincangan Ibn Hazm terhadap Dalil Golongan yang Menyelisihinya	493
FASAL 3 KESIMPULAN DAN TARJIH	495
Analisis Asas yang diperselisihkan antara Dua Pandangan	495
Perbincangan dan <i>Tarjih</i>	498
Takwilan Hadis yang dijadikan Hujah oleh Golongan yang Menentang	501
BAB KESEMBILAN	
ZAKAT DAN CUKAI	
FASAL 1 HAKIKAT CUKAI DAN ZAKAT	505
Persamaan antara Zakat dan Cukai	505
Aspek Perbezaan antara Zakat dan Cukai	506
1. Dari Segi Nama dan Etika	506
2. Hakikat dan Tujuannya	508
3. Kadar Nisab dan Ketentuannya	509
4. Kelestarian dan Kelangsungan Zakat dan Cukai	509
5. Peruntukan Zakat dan Cukai	509
6. Hubungan Zakat dan Cukai dengan Pihak Pemerintah	509
7. Tujuan Zakat dan Cukai	510
Asas Teori mengenai Wajib Zakat dan Cukai	511
Zakat adalah Ibadat dan Cukai Sekaligus	511
FASAL 2 ASAS TEORI KEWAJIPAN CUKAI DAN ZAKAT	513
Asas Hukum mengenai Kewajipan Cukai	513
Teori Perjanjian	513
Teori Kedaulatan Negara	514
Asas Wajib Zakat	514
Teori Umum Taklif	514
Teori Khilafah (<i>Istikhlaf</i>)	517
Teori Jaminan Pembelaan antara Individu dan Masyarakat	526
Persaudaraan Sesama Islam	529
FASAL 3 KANTUNG CUKAI DAN ZAKAT	535
Perbahasan Pertama	

Zakat ke atas Kekayaan	535
Keistimewaan Cukai Kekayaan yang Terkandung dalam Sistem Zakat	536
Kelebihan Cukai Kekayaan Menurut Pendokongnya	536
Penentang Teori Cukai Kekayaan	537
Perkara Penting yang perlu diperhatikan dalam Cukai Harta Kekayaan	538
Islam Sudah Terlebih Dahulu Memerhatikan Persoalan Ini dalam Zakat	538
Perbahasa Kedua	
Zakat Pendapatan	540
Maksud Pendapatan	541
Zakat Pendapatan dalam Syariat Islam	542
Perbahasan Ketiga	
Zakat yang Wajib ke atas Individu	543
Kelebihan dan Keburukannya	543
Kebaikan Zakat Fitrah sebagai Cukai Individu	544
FASAL 4 PRINSIP KEADILAN ANTARA CUKAI DENGAN ZAKAT	545
Perbahasan Pertama	
Prinsip Keadilan	545
Kesamarataan dalam Kewajipan Zakat	546
Tidak Wajib Zakat Harta yang Kurang daripada Nisab	547
Tiada Pertindihan dalam Zakat	547
Perbezaan Kadar Zakat berdasarkan Perbezaan Usaha	550
Memerhatikan Situasi Peribadi Pembayar Cukai	550
Keadilan dalam Amalan	552
Perbahasan Kedua	
Prinsip Kejelasan	553
Perbahasan Ketiga	
Prinsip Kemunasabahan	554
Perbahasan Keempat	
Prinsip Kesederhanaan	557
FASAL 5 KADAR TETAP DAN BERTINGKAT PADA CUKAI DAN ZAKAT	559
Cukai Tetap (Berkadar Sama) dan Cukai Bertingkat (Progresif)	559
Zakat adalah Cukai Tetap	560
Mengapa Zakat tidak Menggunakan Kaedah Progresif?	561
FASAL 6 JAMINAN CUKAI DAN ZAKAT	565
Mengelak daripada Membayar Cukai	565

Faktor Pengelakan	565
Cara Mengelak daripada Cukai	565
Kesan Mengelak daripada Membayar Cukai	566
Membanteras Pengelakan Cukai dan Ketetapan untuk Tetap Menuntut Bayaran Cukai	566
Jaminan Zakat dalam Syariat Islam	567
Jaminan Agama dan Akhlak	567
Jaminan Perundangan dan Peraturan	577
a. Perintah Bekerjasama dengan Pemungut Zakat dan Larangan Menyembunyikan Sesuatu daripada Mereka	577
b. Menghapuskan Tipu Muslihat untuk Menggugurkan Zakat	578
c. Penetapan Bayaran Denda dan Hukuman atas Kesalahan Jenayah bagi Orang yang Enggan Berzakat	580
FASAL 7 ADAKAH DIBENARKAN UNTUK MENGENAKAN CUKAI DI SAMPING ZAKAT?	583
Perbahasan Pertama	
1. Jaminan Sosial adalah Suatu Kewajipan	583
2. Agihan Zakat yang Terbatas sedangkan Perbelanjaan Negara Tinggi	584
3. Kaedah-Kaedah Umum Syarak	585
4. Jihad dengan Harta dan Keperluannya Kepada Pembiayaan yang Besar	586
5. Risiko diimbangi Keuntungan	588
Perbahasan Kedua	
Syarat-Syarat Wajib Pengenaan Cukai	588
Syarat Pertama: Keperluan yang Hakiki Kepada Sumber Kewangan dan Tiada Pilihan Lain	588
Syarat Kedua: Pembahagian Bebanan Cukai dengan Saksama	590
Syarat Ketiga: Cukai Hendaklah digunakan untuk Membiayai Kepentingan Umat Bukan untuk Maksiat dan Hawa Nafsu	593
Syarat Keempat: Persetujuan dalam kalangan Pemerintah dan Cendekiawan Umat	594
i. Kewajipan Mengadakan Mesyuarat berdasarkan al-Quran dan al-Sunah	594
ii. Adakah <i>Syura</i> Suatu Nasihat atau Kewajipan yang perlu sipatuhi?	596
Perbahasan Ketiga	
Keraguan Golongan yang Melarang Pengenaan Cukai	598
Keraguan Pertama: Tiada Kewajipan ke atas Harta selain Zakat	598
Keraguan Kedua: Menghormati Hak Milik Peribadi	598
Keraguan Ketiga: Banyak Hadis yang Mencela Pengambilan Harta (<i>al-Maks</i>) Dan Menolak Kutipan <i>al-'Usyur</i>	599
Penolakan Kepada Keraguan Pertama	602
Penolakan Keraguan Kedua: Pemilikan Individu Tidak Menafikan Keterikatan Hak Terhadap Harta	602

Penolakan Keraguan Ketiga: <i>al-Maks</i> bukan Cukai yang disyariatkan	603
Hadis berkaitan Penghapusan Kutipan ' <i>Usyur</i> daripada Orang Islam	605
Tafsiran Abu 'Ubaid	605
Tafsiran al-Tirmidzi	607
Pandangan al-Munawi dan Perbincangannya	607
Fuqaha dalam kalangan Mazhab yang Empat Mengharuskan Pelaksanaan Cukai yang Adil	609
Fiqh Hanafi	609
Fiqh Mazhab yang Tiga	609
Contoh Aplikasi Fiqh mengenai Cukai yang Zalim	611
FASAL 8 ADAKAH CUKAI BOLEH MENGGANTIKAN ZAKAT	615
Persoalan yang Menuntut Jawapan	615
Percanggahan yang berlaku dalam Kehidupan Muslim	618
Pengaruh Penjajah dalam Mencipta Percanggahan Ini	618
Tugas Pemerintah Islam terhadap Zakat	619
Kewajipan Muslim Menunaikan Zakat walaupun Pemerintah tidak Melaksanakan Kutipan Zakat	620
Fatwa Ulama yang pada Zahirnya Menggambarkan Cukai Boleh Menggantikan Zakat	620
Kebanyakan Ulama Tidak Bersetuju Mengira Cukai daripada Zakat	622
Pendapat Ibn Hajar al-Haitami	622
Pendapat Ibn 'Abidin	623
Pendapat Syeikh 'Ulaisy	624
Fatwa Sayyid Rasyid Ridha	624
Fatwa Syeikh Syaltut	625
Pendapat Syeikh Abu Zahrah	625
Kesimpulan	626
Penutup	
Zakat: Sistem Baharu dan Unik	629
Pandangan Penulis Bukan Islam terhadap Zakat	630
Pendapat Para Reformis Islam	632
Kewajipan Zakat Mampu Mengembalikan Kebesaran Islam	632
Zakat daripada Umat untuk Umat	634
Peranan Zakat dalam Masyarakat Islam	634
Ciri-Ciri Zakat dalam Islam	637

PRAKATA

Alhamdulillah Jilid 1 Terjemahan Fiqh Zakat ini secara umumnya telah membincangkan perkara-perkara berkaitan definisi zakat, hukum hakam dan permasalahan berkaitan harta zakat dan perbahasan para ulama mengenainya.

Berikutnya dalam Jilid 2 akan membincangkan permasalahan berkaitan asnaf zakat, kaedah pembayaran zakat, matlamat penunaian ibadah zakat, perbahasan zakat fitrah, kewajipan harta selain zakat serta hubungan antara zakat dan cukai.

B A B 4

ASNAF ZAKAT

FASAL 1: Fakir dan Miskin

FASAL 2: Amil Zakat

FASAL 3: Golongan Muallaf

FASAL 4: Memerdekakan Hamba

FASAL 5: Orang yang Berhutang

FASAL 6: *Fi Sabilillah* (Berjuang di Jalan Allah)

FASAL 7: *Ibn Sabil*

FASAL 8: Perbahasan Mengenai Orang yang Berhak Menerima Zakat (*Mustahiq*)

FASAL 9: Golongan yang tidak Berhak Menerima Zakat

FASAL 1

FAKIR DAN MISKIN

Ayat dalam surah al-Tawbah yang kami sebutkan sebelum ini telah menetapkan lapan asnaf zakat. Golongan yang pertama dan kedua ialah fakir dan miskin. Kedua-dua golongan ini diutamakan oleh Allah SWT dalam senarai penerima zakat. Ini menunjukkan bahawa matlamat utama zakat adalah membasmi kefakiran dan kemiskinan dalam masyarakat Islam.

Oleh hal yang demikian, al-Quran memulakan dengan golongan fakir dan miskin, disebabkan al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang jelas justeru dalam konteks penggunaan bahasa Arab di kalangan mereka yang pakar, mereka akan memulakan sesuatu dengan perkara yang paling penting. Apabila tujuan utama zakat adalah untuk membasmi kemiskinan dan untuk melindungi mereka, maka Rasulullah SAW menyebutkan secara ringkas di dalam beberapa hadis mengenai perkara ini, seperti pesanan Baginda SAW kepada Muaz ketika mengutus beliau ke Yaman:

أَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ مُعَاذًا حِينَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ أَنْ يَأْتِيَهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً
تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

Maksudnya:

Perintah Nabi SAW kepada Mu'az ketika ditugaskan ke Yaman, khabarkan kepada mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang kaya dan dikembalikan kepada golongan fakir dalam kalangan mereka.³

(Bukhari dan Muslim)

Siapakah Golongan Fakir dan Miskin

Siapakah yang tergolong dalam golongan fakir dan miskin? Adakah mereka merupakan satu golongan yang sama atau keduanya merupakan golongan yang berbeza? Menurut Abu

³ Musykilat al-Fiqr, hlm. 69

FASAL 2

AMIL ZAKAT DAN INSTITUSI PENTADBIRAN ZAKAT HARTA

Asnaf zakat yang ketiga selepas fakir dan miskin adalah amil zakat. Mereka yang dimaksudkan ini adalah setiap golongan yang terlibat dalam pentadbiran hal ehwal zakat. Golongan ini terdiri daripada para pengutip zakat, pengawal yang menjaga dan menyimpannya, penulis rekod dan jurukira yang mencatat keluar masuk dana zakat dan mereka yang mengagihkannya kepada ahli yang berhak. Allah SWT menyediakan kepada mereka ganjaran (upah) daripada harta zakat agar tidak diambil daripada selain zakat serta untuk mengingatkan bahawasanya zakat mempunyai hasil pendapatannya yang tersendiri. Sebahagiannya digunakan untuk diberikan kepada mereka yang menguruskan hal ehwal zakat.

Al-Quran memberi perhatiannya kepada asnaf ini dan menyatakan secara jelas tentangnya dan menjadikannya dalam kalangan lapan asnaf yang berhak menerima zakat. Begitu juga al-Quran meletakkan tertib susunannya selepas fakir dan miskin yang merupakan asnaf yang terawal dan utama untuk diberi zakat. Semua ini menunjukkan bahawa zakat dalam Islam bukanlah tugas yang diberikan kepada individu semata-mata, bahkan tugas negara untuk mengurus dan mentadbir urusannya dan melantik pekerja-pekerja untuk mengurusnya yang terdiri daripada pemungut, penyimpan, penulis, pengira dan sebagainya. Hasil zakat yang diperoleh itu mengandungi peruntukan khas sebagai gaji untuk mereka yang bekerja dalam pengurusan zakat.⁸¹

Kewajipan Pemerintah Melantik Amil Zakat

Para fuqaha menyebutkan bahawa pemerintah wajib menghantar petugas untuk memungut zakat kerana Nabi SAW dan khalifah selepasnya menghantar pemungut zakat dan perkara ini telah masyhur dan diketahui umum. Antara hadis Abu Hurairah r.a. dalam sahih al-Bukhari dan Muslim, yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah mengutus Umar bin al-Khattab r.a. untuk memungut zakat.⁸² Begitu juga, hadis yang diriwayatkan dalam sahih al-Bukhari dan Muslim daripada Sahl bin Sa'ad r.a. bahawasanya Nabi SAW telah melantik

⁸¹Lihat bab hubungan negara dengan zakat.

⁸²Hadis riwayat Muslim (983), dan Abu Daud (1623). Mereka meriwayatkan dalam *Kitab al-Zakat*, daripada Abu Hurairah.

FASAL 3

GOLONGAN MUALAF

Dalil Golongan Mualaf sebagai Penerima Zakat

Golongan ini merupakan penerima zakat sebagaimana bukti yang jelas apa yang telah ditegaskan di beberapa tempat bahawa zakat dalam Islam bukanlah sekadar perbuatan ihsan yang bersifat peribadi semata-mata, bukan juga sekadar ibadat yang dipertanggungjawabkan kepada individu. Sesungguhnya, golongan asnaf ini yang menjadi sasaran agihan zakat, bukanlah diserahkan kepada mana-mana individu secara kebiasaannya, namun ia merupakan tugas ketua negara atau mereka yang diberi kuasa untuk menguruskannya. Mereka itulah yang mampu menentukan keperluan golongan ini dari aspek keperluan melunakkan hati atau tidak, serta penentuan kriteria mereka yang dilunakkan hatinya dan kadar peruntukan yang sewajarnya diberikan kepada mereka sesuai dengan kemaslahatan Islam dan keperluan kaum Muslimin.

Kategori Golongan Mualaf

Golongan ini dibahagikan kepada Muslim dan bukan Muslim.

Pertama, golongan yang diharapkan dengan diberikan zakat kepada mereka akan keislaman dirinya, kaumnya atau ahli keluarganya seperti Safwan bin Umayyah yang dikurniakan keamanan oleh Nabi SAW semasa pembukaan Kota Mekah dan diberikan tempoh selama empat bulan untuk membuat keputusan terhadap keislamannya seperti yang dituntut oleh Nabi SAW. Kemudian, dia menghilangkan dirinya, lalu hadir semula untuk berperang bersama kaum Muslimin dalam perang Hunain yang mana ketika itu dia masih belum memeluk Islam. Ketika itu, Rasulullah SAW telah meminjam senjatanya ketika keluar menuju Hunain.¹¹⁷ Kemudian, Rasulullah SAW telah memberikannya beberapa ekor unta yang penuh muatan dibawa dari sebuah lembah. Lalu, Safwan mengungkapkan kenyataan berikut:

¹¹⁷ Riwayat Ahmad (27636), ulama takhrij berkata: hadis hasan, Abu Daud meriwayatkan dalam al-Ijarah (3562) daripada Safwan bin Umayyah.

FASAL 4

MEMERDEKAKAN HAMBA

Mengapakah al-Quran Mengibaratkan sebahagian Asnaf Zakat dengan Menggunakan Huruf (*Lam*) dan sebahagiannya Dengan Huruf (*Fi*)?

Ayat yang menjelaskan penerima zakat meliputi lapan golongan, empat daripadanya telah dibincangkan iaitu: fakir, miskin, amil zakat dan mualaf. Keempat-empat layak menerima zakat manakala baki adalah seperti berikut:

1. Golongan kelima ialah memerdekakan hamba.
2. Golongan keenam ialah orang yang berhutang.
3. Golongan ketujuh ialah mereka yang berjihad di jalan Allah.
4. Golongan delapan ialah mereka yang sedang dalam perjalanan.

Ayat-ayat al-Quran yang telah menyenaraikan golongan zakat yang lapan, telah membezakan antara empat golongan asnaf yang pertama dan empat golongan asnaf yang kedua.

Bagi empat golongan pertama, zakat adalah merupakan hak milik mereka yang difahami sebagaimana dalam firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya.

(al-Tawbah: 60)

Sedangkan empat golongan asnaf yang lain, zakat adalah diperuntukkan kerana keadaan khusus mereka menerusi firman Allah: “(Dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan.”

FASAL 5

PENGHUTANG (ORANG YANG BERHUTANG)

Asnaf zakat yang keenam, sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran ialah *al-Gharimun* (orang-orang yang berhutang). Siapakah yang dimaksudkan dengan asnaf ini?

Siapakah Golongan Penghutang (*al-Gharimun*)?

Al-Gharimun ialah perkataan jamak (plural) daripada perkataan *gharim* الغارم iaitu orang yang berhutang.¹⁷⁸ Sedangkan *al-ghariim* الغريم ialah orang yang memberi hutang, kadang kala digunakan juga untuk orang yang berhutang. Asal pengertian *al-ghurm* menurut bahasa ialah sentiasa melazimi (kekal) seperti firman Allah SWT tentang neraka Jahannam:

إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا

Maksudnya:

Sesungguhnya seksa neraka jahanam adalah tetap (kekal berterusan).

(al-Furqān: 65)

Disebut *al-gharim* sedemikian kerana hutang itu melaziminya dan disebut *al-gharim* kerana keadaannya yang melazimi orang yang berhutang.

Menurut Mazhab Abu Hanifah, *al-gharim* ialah orang yang berhutang dan dia tidak memiliki nisab harta yang lebih daripada hutangnya.¹⁷⁹ Manakala menurut Imam Malik, Syafie dan Ahmad, orang berhutang terbahagi kepada dua golongan dan setiap satunya

¹⁷⁸ Ibn al-Humam telah menjelaskan dalam kitab *al-Fathh* (*Fathh al-Qadir*), istilah *gharim* ialah orang yang berhutang atau orang lain berhutang dengannya tetapi tidak dapat mengambilnya semula sedangkan nisabnya tidak mencukupi. Pendapat ini terdapat sanggahan padanya kerana *gharim* menurut bahasa adalah orang yang berhutang. Kemungkinan terjadi kekeliruan antara *gharim* dengan *ghariim* yang biasa digunakan untuk orang yang berhutang dan orang yang memberi hutang dan Maha Suci Allah yang sama sekali tidak pernah lupa. Keterangan yang dikemukakan dalam kitab *al-Fathh* bahawasanya *gharim* ialah orang yang dihutangi oleh orang lain (pemiutang)...Maka dibolehkan untuk menyerahkan zakat kepadanya kerana keadaannya yang fakir di tangan (mempunyai harta tetapi tidak berada di sisinya) sama seperti Ibn sabil, bukan kerana dia sendiri yang berhutang. (*Hasyiah Radd al-Muhtar*, jilid 2, hlm. 63).

¹⁷⁹ *al-Bahr al-Ra'iq*, jilid 2, hlm. 260; *al-Durr al-Mukhtar* dan *Hasyiah Radd al-Muhtar*, jilid 2, hlm. 63.

FASAL 6

FI SABILILLAH

Al-Quran menggambarkan asnaf penerima zakat yang ketujuh adalah *fi sabilillah* dengan firmanNya: *وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ* (di jalan Allah). Apakah yang dimaksudkan dengan golongan ini? Siapakah yang termasuk dalam golongan ini sebagaimana yang dimaksudkan dalam ayat?

Sebenarnya, makna dari segi asal bahasa bagi kalimah tersebut adalah sangat jelas. *Al-Sabil* maksudnya ialah *al-Tariq* yang bererti jalan. Adapun *Sabilillah* adalah jalan yang menyampaikan kepada keredhaanNya sama ada dari segi iktikad atau amalan.

Berkata al-‘Allamah Ibn al-Athir: Al-Sabil pada asalnya adalah Al-Tariq. Konotasi *Sabilillah* bersifat umum, meliputi segala amal perbuatan ikhlas, yang dilalui untuk bertaqarrub kepada Allah ‘Azza wa Jalla, melalui pelaksanaan segala perbuatan yang wajib, sunat dan pelbagai bentuk amalan ketaatan (sunat) yang lain. Apabila perkataan ini disebut secara mutlak, maka kebiasaannya digunakan untuk pengertian jihad. Kekerapan penggunaan tersebut menjadikan seolah-olah *sabilillah* itu memberi erti yang khusus untuk jihad sahaja.²¹⁷

Melalui pentafsiran Ibn al-Athir tentang kalimah *sabilillah* ini, jelaslah pada kita semua beberapa perkara:

Pertama: Makna asal untuk kalimah ini menurut bahasa: Semua amalan ikhlas yang digunakan untuk mendekatkan diri kepada Allah merangkumi segala amalan perbuatan soleh, sama ada secara individu atau secara berjemaah.

Kedua: Maksud yang biasa difahami daripada kalimah tersebut ketika disebut secara mutlak adalah jihad kerana kekerapan penggunaannya pada maksud tersebut menjadikan seolah-olah ia terhad kepada maksud itu sahaja.

Kepelbagaian yang terhasil daripada kedua-dua makna tersebut menjadi sebab khilaf dalam kalangan fuqaha pada menentukan maksud daripada asnaf ini. Kerana inilah, makna yang kedua itu (jihad) termasuk dalam pengertian *fi sabilillah* menurut ijmak fuqaha.

²¹⁷*Al-Nihayah*, Ibn al-Athir, jilid 2 hlm. 156, cetakan Matba’ah al-Khairiyyah.

FASAL 7

IBN SABIL

Siapakah *Ibn Sabil*?

Menurut jumhur ulama *Ibn al-Sabil* adalah kiasan untuk musafir iaitu orang yang merentasi dari satu negeri ke negeri yang lain. *Al-Sabil* ertinya *al-Tariq* iaitu jalan. Dikatakan bagi orang yang menempuh jalan itu sebagai (*ibn sabil* - anak jalan) kerana kerap dan seringkali berada di atasnya sebagaimana kata penyair Arab:

Aku adalah anak perang,
Perang mendidikku sejak kecil,
Sehinggalah aku menjadi ‘tua’ (kerana perang) sedangkan rakan sebayaku masih belia.²⁷⁵

Demikianlah yang dilakukan oleh masyarakat Arab. Mereka menamakan orang yang melazimi sesuatu disebut sebagai ‘anaknya’.²⁷⁶

Daripada Ibn Zaid beliau berkata: “Ibn Sabil adalah musafir. Sama ada dia kaya atau miskin, sekiranya ditimpa musibah atau kehilangan pada belanja di tangannya, atau berlaku sesuatu bencana terhadapnya atau dia tidak memiliki sesuatu apapun, maka haknya wajib dibantu.”²⁷⁷

Keprihatinan al-Quran terhadap Istilah *Ibn Sabil*

Al-Quran telah menyebut lafaz *Ibn sabil* ini dalam konotasi menyantuni mereka dan berbuat ihsan kepada *ibn sabil* sebanyak lapan kali. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isrā:

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿١٦﴾

Maksudnya:

Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan

²⁷⁵Syair al-Tormah

²⁷⁶*Tafsir Tabari* dengan *tahqiq* Mahmud Syakir, jilid 14, hlm. 320.

²⁷⁷*Ibid.*

FASAL 8

BEBERAPA PERBAHASAN TENTANG ASNAF ZAKAT YANG BERHAK

Pendapat beberapa Mazhab Fiqh tentang Merangkumkan Pengagihan Zakat Kepada Semua Asnaf

Allah SWT menerangkan asnaf zakat dalam al-Quran dan menghadkannya kepada lapan golongan. Kesemua itu telah dijelaskan dan diperincikan pada bab yang lalu. Tetapi masih ada perbahasan yang perlu dijelaskan, iaitu adakah wajib bagi orang yang memberi zakat sama ada pemilik harta ataupun pemerintah mengagihkan harta zakat kepada semua asnaf yang lapan? Kemudian adakah perlu dibahagi secara sama rata? Beginilah yang difahami oleh sebahagian fuqaha termasuk Imam al-Syafie yang memperincikan masalah ini dalam kitabnya *al-Umm* yang dimuatkan dalam pelbagai fasal.

Al-Nawawi telah menjelaskan dalam kitab *al-Majmu'* bahawa Imam al-Syafie dan para ulama mazhabnya berpendapat bahawa apabila yang mengagihkan harta zakat itu adalah pemilik harta ataupun wakilnya, maka gugur peruntukan bahagian kepada amil zakat. Wajib zakat diagihkan kepada tujuh asnaf yang lain jika semuanya wujud. Namun jika sebahagian golongan itu tiada, maka wajib diberikan kepada asnaf yang ada sahaja. Tidak dibolehkan untuk menggugurkan walau satu golongan sekalipun jika ianya wujud. Jika ditinggalkan bahagian tersebut maka ianya perlu diganti semula. Antara mereka yang bersama-sama dalam pandangan mazhab kami ini ialah 'Ikrimah, Umar bin Abdul Aziz, al-Zuhri dan Daud.³⁰¹

Terdapat satu riwayat daripada Imam Ahmad yang selari dengan pendapat mazhab Syafie bahawa wajib merangkumkan pengagihan zakat di antara semua asnaf secara sama rata. Hendaklah juga disalurkan zakat bagi setiap golongan asnaf kepada tiga orang atau lebih kerana itulah bilangan paling sedikit dalam maksud jamak. Kecuali kepada golongan amil zakat, kerana setiap yang diambil olehnya merupakan upah, maka boleh jika diberikan seorang individu sahaja. Namun jika pemilik harta itu sendiri yang mengagihkan zakatnya maka bahagian amil zakat tersebut akan gugur. Pendapat ini adalah yang dipilih oleh Abu Bakar yang merupakan salah seorang ulama daripada mazhab Hanbali.³⁰²

³⁰¹ *Al-Majmu'*, jilid 6, hlm. 185.

³⁰² *Al-Kafi*, Ibn Qudamah, jilid 1, hlm. 146.

FASAL 9

GOLONGAN YANG TIDAK BERHAK MENERIMA ZAKAT

Zakat adalah seumpama cukai namun mempunyai ciri yang khusus. Ia bertujuan untuk mencapai objektif tertentu dalam kehidupan individu, masyarakat dan kemanusiaan secara keseluruhan.

Bukanlah hak bagi mana-mana individu manusia untuk mengambilnya jika bukan golongan yang berhak menerimanya. Begitu juga tidak harus bagi pemilik harta atau pemerintah mengagihkannya sesuka hati jika tidak menepati asnafnya.

Justeru, dari premis ini para fuqaha mensyaratkan zakat tersebut tidak diambil oleh mereka yang bukan asnaf yang disebutkan oleh nas tentang pengharaman menerimanya dan tidak menanggap mereka itu sebagai asnaf yang sah untuk menerima zakat. Secara umum, golongan yang diharamkan menerima zakat adalah seperti berikut:

1. Golongan kaya.
2. Mereka yang kuat dan mampu bekerja.
3. Orang-orang yang tidak beragama, golongan kafir dan golongan yang memerangi Islam secara ijmak serta ahli Zimmah menurut majoriti fuqaha.
4. Anak, ibu bapa dan isteri pembayar zakat. Adapun selain mereka dari kalangan saudara terdekat terdapat khilaf dan perinciannya.
5. Keluarga Nabi SAW iaitu Bani Hasyim sahaja atau termasuk juga Bani al-Mutalib berdasarkan khilaf mengenai hal itu.

Ini akan dibincangkan dalam perbahasan selanjutnya.

B A B 5

CARA MEMBAYAR ZAKAT

Fasal 1: Hubungan Pemerintah dengan Zakat

Fasal 2: Kedudukan Niat dalam Zakat

Fasal 3: Menunaikan zakat dengan Nilai Harga

Fasal 4: Memindahkan Zakat ke Tempat bukan Pengeluar Zakat

Fasal 5: Hukum Menyegerakan Pengeluaran Zakat dan Melewatkannya

Fasal 6: Pelbagai Perbincangan Mengenai Pembayaran Zakat

FASAL 1

HUBUNGAN PEMERINTAH DENGAN ZAKAT

Pendahuluan

Dalam bab-bab yang lalu, kita telah mengetahui tentang kewajipan zakat iaitu zakat diwajibkan ke atas siapa, jenis harta yang wajib dizakatkan dan nisbah harta yang perlu dizakatkan. Kita juga telah maklum mengenai kepada siapa agihan zakat itu perlu diberikan, golongan yang termasuk dalam kalangan asnaf zakat dan siapa pula golongan yang tidak boleh menerima zakat.

Namun, masih ada lagi perkara yang perlu kita ketahui dalam pelaksanaan zakat ini seperti, adakah pembayar zakat itu boleh mengagihkan zakat sendiri kepada asnaf atau perlu melalui penguasa? Adakah perkara ini tertakluk kepada keseluruhan harta atau sebahagian sahaja manakala sebahagian yang lainnya tidak? Apakah hukumnya jika pemerintah tidak memungut zakat atau dipungut oleh pemerintah kafir atau zalim?

Adakah disyaratkan untuk berniat semasa proses pembayaran zakat? Apa pula hukumnya jika pihak kerajaan mengambil zakat secara paksaan tanpa diniatkan daripada orang yang membayar zakat sebagai pembayaran zakat? Adakah dibolehkan bagi kerajaan atau pembayar zakat mengagihkan zakat ke tempat lain selain tempat penghasilan harta tersebut? Apakah pula batasannya dalam hal ini?

Adakah dibolehkan untuk membayar dengan nilai zakat atau diwajibkan mengeluarkan barangan yang dinyatakan dalam nas? Adakah dibolehkan menangguhkan pembayaran zakat? Apa hukumnya jika ditangguhkan? Adakah gugur kewajipan zakat apabila ditangguhkan dan apakah hukum jika ia dipercepatkan? Apakah boleh menyembunyikan zakat? Apakah hukuman bagi orang yang menyembunyikannya dan apa pula hukuman ke atas orang yang lari daripada kewajipan zakat serta mencari alasan untuk menggugurkan kewajipannya?

Jawapan kepada semua persoalan ini dan semua yang berkaitan dengannya serta perbincangan lain berhubung dengan pembayaran zakat akan dihuraikan dalam bab ini.

FASAL 2

KEDUDUKAN NIAT DALAM IBADAH ZAKAT

Zakat daripada satu sudut merupakan suatu ibadah dan pengabdian diri kepada Allah kerana ia merupakan salah satu daripada syiar Islam dan juga rukun Islam yang ketiga. Zakat sering digandingkan dengan ibadat solat sama ada dalam al-Quran ataupun hadis-hadis Nabi SAW. Namun demikian, zakat merupakan ibadat khusus yang berbeza dengan solat.

Zakat daripada sudut yang lain pula diumpamakan seperti cukai yang ditetapkan dan hak yang ditentukan pada harta-harta orang yang kaya untuk diagihkan kepada asnaf fakir miskin serta golongan asnaf lain seperti yang telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan sunah nabi-Nya. Zakat juga merupakan suatu perkara yang asalnya perlu diuruskan oleh pemerintah melalui badan amil dari aspek pengumpulan, pengagihan dan pengambilannya daripada pihak-pihak yang wajib mengeluarkan zakat serta diambil secara paksa bagi yang ingkar.

Oleh itu, zakat mengandungi dua makna, pertamanya adalah ibadat yang telah ditetapkan oleh syarak dan yang kedua pula zakat adalah cukai yang perlu dikeluarkan.

Dengan merangkumkan makna zakat kepada dua maksud ini, kita dapat melihat beberapa perbezaan pendapat para fuqaha dalam perkara tersebut. Sebahagian mereka berpendapat ia lebih merujuk kepada maksud ibadat dan sebahagian yang lain pula berpendapat ia lebih merujuk kepada maksud cukai. Manakala ulama yang lain pula merujuk kepada maksud ibadat pada sebahagian hukum dan merujuk kepada makna cukai dalam sebahagian hukum yang lain.

Kita telah melihat salah satu bentuk perbezaan pendapat ini dalam kewajipan zakat bagi harta kanak-kanak, orang gila dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Sebagaimana dapat dilihat dengan jelas perbezaan tersebut adalah dalam permasalahan niat dan kedudukannya dalam zakat. Berikut akan dijelaskan tentang perbezaan pendapat dalam masalah ini.

FASAL 3

MENUNAIKAN ZAKAT DENGAN NILAI HARGA

Perbezaan Pendapat Ulama tentang Menunaikan Zakat dengan Nilai

Apabila seorang pemilik harta wajib mengeluarkan zakat dengan seekor kambing atau seekor unta atau segantang gandum atau 100 kilogram buah-buahan, adakah boleh mengeluarkan zakat dari jenis-jenis benda atau memilih antara benda tersebut ataupun membayar dengan nilai harga contohnya dengan wang? Sekiranya dia mengeluarkan nilai harga zakat, apakah ia telah memenuhi syarat dan sah zakatnya?

Dalam masalah ini pandangan fuqaha terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu melarang secara mutlak, membolehkan secara mutlak, membolehkan tetapi makruh dan membolehkan pada sebahagian tetapi melarang pada sebahagian yang lain. Ulama mazhab Syafie dan Zhahiri amat melarang mengeluarkan nilai harga zakat. Manakala mazhab Hanafi membolehkan secara mutlak dalam semua keadaan. Bagi Mazhab Maliki dan Hanbali, terdapat beberapa riwayat dan pendapat.

Dalam kitab *Mukhtasar Khalil* mengatakan, mengeluarkan nilai harga zakat adalah tidak memenuhi syarat. Pendapat ini diikuti oleh Ibn Hajib dan Ibn Basyir. Namun, dalam *al-Taudhih* ia membolehkan dan pendapat ini bertentangan dengan apa yang terdapat dalam kitab *al-Mudawwanah*. Jelasnya ketetapan yang masyhur dalam mengeluarkan nilai harga zakat adalah makruh dan tidak haram.¹¹⁹

¹¹⁹Pengarang kitab *al-Mudawwanah* berkata: “jangan diberikan dari kewajipan zakat sesuatu harta dengan benda-benda atau makanan, dan makruh bagi seseorang menjual barangan zakat, dan menjadikan hasil jualan itu sebagai zakatnya,” sesungguhnya perbuatan tersebut adalah dibenci, pendapat ini juga dikemukakan oleh Ibn Abdus-Salam. Al-Baji berkata: secara zahirnya keterangan di dalam *al-Mudawwanah* dan sebagainya, ianya adalah dari bab menjual barangan zakat sesuatu harta sedangkan yang masyhur dalam buku tersebut adalah makruh dan bukannya haram. Sebahagian ulama Maliki menyatakan, bahawa zahir ucapan mereka, adalah apa yang dinyatakan di dalam *at-Taudhih* dan pendapat Ibn Abdus-Salam adalah pendapat yang rajih. Perkara itu dinyatakan oleh Ibnu Rushd yang berkata: “bahawa zahirnya pendapat-pendapat menganggap sah, dan dibenarkan pula oleh Ibn Yunus. Terdapat perincian dalam mengeluarkan nilai zakat yang dikemukakan secara bersendirian oleh sebahagian ulama mazhab Maliki, dan diterangkan pula oleh Imam Dardir: iaitu mengeluarkan wang sebagai ganti tanaman atau binatang ternak adalah dibolehkan tetapi makruh, begitu juga mengeluarkan harta-benda tertentu sebagai ganti kepada tanaman dan binatang ternak atau harta zakat lain, atau mengeluarkan tanaman dan binatang ternak menggantikan harta zakat lain, atau tanaman sebagai ganti haiwan ternak dan sebaliknya adalah tidak sah. (*Syarh al-kabir*, Dardir; *Hasyiah al-Dusuqi*, jilid 1, hlm. 502.

FASAL 4

MEMINDAHKAN ZAKAT KE TEMPAT BUKAN PENGELUAR ZAKAT

Dalam peruntukan belanja hasil zakat, Islam menetapkan peraturan yang bijaksana dan adil. Seiring dan sesuai dengan peningkatan dan perkembangan terkini dalam peraturan pentadbiran, politik dan kewangan moden sehingga menyebabkan sebahagian orang menyangka setiap peraturan dan sistem itu sendiri baru sahaja ditemui dan dilaksana. Manusia mengetahui bagaimana cukai diambil daripada para petani, petugas, pekerja, pedagang dan lain-lain pada zaman jahiliah dan zaman kegelapan sama ada di benua Eropah mahupun benua yang lain. Mereka gigih berusaha mencari rezeki siang dan malam. Lalu harta yang diperoleh daripada peluh (jerih payah), darah dan air mata ini diserahkan kepada wakil raja dan pegawai yang berada di ibu kota yang serba maju. Harta itu kemudiannya dibelanjakan untuk mengukuhkan kuasa, mengangkat kehebatan dan memperkuat sokongan dari orang sekeliling seperti peniaga, pembela dan pengikutnya. Sekiranya harta tersebut berbaki, maka disalurkan kepada kota berhampiran yang tunduk di bawah kekuasaannya. Dalam masa yang sama, penduduk kampung yang gigih bekerja dan berusaha telah diabaikan sedangkan cukai-cukai tersebut telah dikutip dari harta hasil usaha mereka.¹⁴⁷

Maka, apabila Islam datang dan memerintahkan, orang Islam mengeluarkan zakat dan diperintahkan supaya pemerintah menggunakan sistem yang telah ditetapkan. “Zakat itu harus diagihkan ke daerah di mana zakat itu diambil.” Perkara ini disepakati ke atas zakat haiwan ternakan, tanam-tanaman dan buah-buahan. Zakat diagihkan ke tempat ia dikumpulkan.

Para ulama telah bersepakat menetapkan zakat fitrah itu diagihkan di tempat orang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah itu berada tetapi berbeza pendapat terhadap zakat mata wang. Adakah ia diagihkan di tempat harta itu berada atau di tempat pemiliknya berada?¹⁴⁸

Pendapat yang paling masyhur yang diikuti oleh kebanyakan ulama adalah zakat itu mengikut tempat harta itu berada, bukan mengikut kedudukan pemiliknya. Ia bersumberkan dalil daripada sunah Rasul SAW dan Khulafa’ al-Rasyidin. Ketika Rasul SAW memerintahkan petugas dan pengurus zakat pergi ke negara-negara dan daerah-

¹⁴⁷Diambil daripada buku penulis: *Masalah Kefakiran dan Cara Mengatasinya dalam Islam*, hlm. 114

¹⁴⁸*Hasyiah al-Dusuqi*, jilid 1, hlm. 500

FASAL 5

HUKUM MENYEGERAKAN PENGELUARAN ZAKAT DAN MELEWATKANNYA

Wajib Mengeluarkan Zakat dengan Segera

Pendapat yang masyhur dalam kalangan mazhab Hanafi menyatakan bahawa kewajipan mengeluarkan zakat adalah bersifat dengan waktu yang luas. Pemilik harta boleh melewati pengeluarannya selagi belum diminta, kerana perintah untuk mengeluarkan zakat adalah secara mutlak. Maka, tidak semestinya dikeluarkan zakat itu pada waktu yang pertama sebagaimana juga tidak ditentukan tempat baginya. Ini adalah pendapat yang diikuti oleh Abu Bakar al-Razi al-Jassas.

Sementara Imam al-Karkhi dalam kalangan ulama mazhab Hanafi pula berkata: “Zakat itu wajib dikeluarkan dengan segera kerana ia adalah suatu perintah. Suatu perintah pasti dikehendaki untuk dilaksanakan dengan segera dan tidak dikehendaki untuk melambatkan-lambatkannya. Maka pendapat terpilih adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn al-Humam, iaitu perintah mengeluarkan zakat untuk orang fakir adalah disertai dengan tuntutan bersegera. Ini kerana zakat itu dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mereka, jika tidak diwajibkan dengan kadar segera maka tidak akan tercapailah kesempurnaan maksud diwajibkan zakat.¹⁸⁵ Inilah pendapat yang diikuti oleh Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad dan Jumhur Ulama.

Sebagaimana dikemukakan oleh Ibn Qudamah bahawa setiap perintah itu menurut pendapat yang sahih hendaklah dilakukan dengan segera sebagaimana yang dikemukakan dalam Usul Fiqh sehingga orang yang melengahkan pelaksanaan perintah itu akan mendapat seksaan. Dengan sebab itu, Allah SWT mengeluarkan Iblis daripada syurga, mengutuk dan membencinya kerana Iblis enggan bersujud. Sekiranya seseorang memerintahkan hambanya untuk mengambil air minuman kemudian hamba tersebut melengah-lengahkan pelaksanaan perintah tuannya maka hamba itu pasti akan dikenakan hukuman. Melewatkan pelaksanaan itu secara logiknya bercanggah dengan kewajipan perintah itu sendiri, terutama apabila tidak ditetapkan had masa terhadap pelaksanaan suruhan tersebut. Sekiranya boleh melewatkannya tentu tiada batasan waktu dan tiada seksaan jika meninggalkannya.

¹⁸⁵*Fath al-Qadir*, jilid 1, hlm. 482-483, dan *Rad al-Mukhtar*, jilid 2, hlm. 13-14.

FASAL 6

PELBAGAI PERBAHASAN MENGENAI PEMBAYARAN ZAKAT

Mencari-Cari Alasan untuk Menggugurkan Kewajiban Zakat

Adakah dibolehkan lari daripada kewajiban zakat atau dengan kata-kata lain: Adakah dibolehkan mencari alasan untuk menggugurkan kewajiban zakat daripada orang yang telah diwajibkan ke atasnya untuk mengeluarkan zakat?

Perbezaan Pendapat dalam Kalangan Fuqaha

Ibn Taimiyah mengemukakan dalam kitab *Qawaid al-Nuraniah*, bahawasanya Abu Hanifah mengharuskan mencari-cari alasan untuk menggugurkan kewajiban zakat. Ibn Taimiyah berkata: “Para pengikutnya berbeza pendapat sama ada hal itu makruh atau tidak. Imam Muhammad memakruhkannya, sedangkan Imam Abu Yusuf menyatakan tidak makruh.” Dia berkata pula: “Imam Malik mengharamkan mencari alasan untuk mengugurkannya, ia tetap wajib walaupun disertai dengan alasan. Imam Syafie menyatakan hal tersebut makruh.” Imam Ahmad berpendapat sama seperti pendapat Imam Malik, iaitu mengharamkan mencari-cari alasan untuk mengugurkan kewajibannya dan tetap mewajibkan zakat walaupun disertai dengan alasan-alasan untuk menghilangkan kewajiban itu, sebagaimana diisyaratkan dalam Surah al-Qalam²³⁴ dan dalil-dalil lainnya.²³⁵

Apa yang dikemukakan oleh Ibn Taimiyah dan Abu Yusuf bertentangan dengan apa yang dijelaskan oleh Abu Yusuf sendiri dalam kitab *al-Kharaj*: “Tidak halal bagi orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat untuk ingkar mengeluarkan zakat, dan tidak halal baginya untuk memisah-misahkan hartanya dan disatukan dengan harta orang lain agar tidak mencukupi nisab dan gugur kewajiban zakatnya. Misalnya setiap orang lain memiliki harta orang tersebut yang berupa unta, lembu dan kambing, yang dengan cara itu zakat tidaklah wajib kepadanya. Sedangkan tidak boleh mencari-cari alasan untuk menggugurkan kewajiban zakat dengan apa cara sekalipun.”²³⁶

²³⁴Yang dimaksudkan adalah kisah ahli kebun, sebagaimana hal itu akan dijelaskan pada pendapat Ibn Qudamah.

²³⁵*Qawaid al-Nuraniah*, hlm. 89.

²³⁶*Al-Kharaj*, oleh Abu Yusuf, hlm. 80.

B A B 6

MATLAMAT DAN KESAN ZAKAT TERHADAP KEHIDUPAN INDIVIDU DAN MASYARAKAT

Fasal 1: Tujuan Zakat dan Kesannya kepada Kehidupan Masyarakat

Pembahasan Pertama: Matlamat Zakat dan Kesannya terhadap
Pemberi Zakat

Pembahasan Kedua: Tujuan Zakat dan Kesannya terhadap Penerima

Fasal 2: Tujuan Zakat dan Kesannya terhadap Kehidupan Masyarakat

Zakat dan Jaminan Sosial

Zakat dari Sudut Ekonomi

FASAL 1

TUJUAN ZAKAT DAN KESANNYA KEPADA KEHIDUPAN PERIBADI

Fasal ini mengandungi dua pembahasan:

- Pertama: Tujuan zakat dan kesannya kepada pemberi zakat iaitu orang kaya yang wajib mengeluarkan zakat.
- Kedua: Tujuan zakat yang dihubungkan dengan penerima dan orang yang memanfaatkannya iaitu orang yang mempunyai keperluan yang merupakan asnaf zakat. Adapun asnaf zakat daripada orang yang diperlukan oleh kaum Muslimin seperti mualag, orang yang berhutang kerana mendamaikan dua pihak yang bersengketa, orang yang berperang di jalan Allah SWT dan petugas zakat. Maka, semuanya termasuk di bawah matlamat zakat dari aspek masyarakat.

Perbahasan Pertama

Matlamat Zakat dan Kesannya Kepada Pemberi Zakat

Tujuan Islam mensyariatkan zakat bukanlah semata-mata untuk memperbanyakkan harta dan khazanah negara sahaja. Ia juga bukan sekadar untuk menolong orang yang lemah dan yang mempunyai keperluan serta meringankan beban sahaja, sebaliknya matlamat yang utama adalah untuk meninggikan kedudukan insan daripada harta kebendaan, sehingga mereka menjadi tuan kepada harta bukan hamba. Oleh itu, kepentingan matlamat zakat terhadap orang yang memberi zakat sama dengan kepentingannya terhadap orang yang menerima zakat. Maka, di sinilah perbezaan antara kewajipan zakat dengan cukai-cukai yang diciptakan oleh manusia, yang hampir-hampir tidak melihat kepada (manfaat) orang yang memberi, melainkan hanya dianggap sebagai sumber pendapatan untuk khazanah negara.

Al-Quran telah menyebutkan mengenai matlamat zakat dengan melihat kepada orang-orang kaya yang diambil harta daripada mereka, iaitu disimpulkan pada dua kalimat yang terdiri daripada beberapa huruf, tetapi kedua-duanya mengandungi makna yang besar dan menyimpan rahsia-rahsia zakat dan matlamatnya yang agung. Dua kalimat tersebut adalah

FASAL 2

TUJUAN ZAKAT DAN KESANNYA TERHADAP KEHIDUPAN MASYARAKAT

Kesan agihan zakat dari aspek sosial sangat jelas dilihat apabila kita memerhatikan golongan yang menerima agihan tersebut (*mustahiq zakat*). Ini dijelaskan melalui ayat Allah SWT yang berbunyi:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَقَةِ قُلُوبُهُمْ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya, sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amal-amal yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnyanya) daripada Allah.

(al-Tawbah: 60)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, jelas sekali bahawa agihan zakat kepada lapan golongan asnaf tersebut mempunyai objektif sosial yang penting. Sebahagian daripada mereka berkaitan dengan keadaan dan ketenteraman awam, seperti perdamaian hati (para mualaf yang dipujuk hatinya) dan di jalan Allah (*fi sabilillah*). Dua kategori ini menunjukkan bahawa kerajaan mesti mengumpul dan mengagihkan zakat ke arah penyebaran Islam, menegakkan agama Allah SWT dan mempertahankan masyarakat Islam daripada musuh-musuh Islam. Ini termasuk dalam asnaf *sabilillah*, dilakukan dengan memujuk hati dan berdakwah pada golongan-golongan tertentu. Perbahasan ini telah kami perelaskan dalam Bab Asnaf Zakat, boleh rujuk pada bab tersebut. Dalam fasal ini, kami akan menerangkan hubungan zakat dengan kekuatan rohani dan akhlak bagi masyarakat Islam dan umat sejagat.

B A B 7

ZAKAT FITRAH

Fasal 1: Pengertian Zakat Fitrah, Hukum dan Hikmahnya

Fasal 2: Ke atas Siapa dan daripada Siapa Zakat Fitrah Diwajibkan

Fasal 3: Kadar Wajib , dari Bahan Ditunaikan dan Hukum Menunaikan Zakat Fitrah dengan Nilai (Mata Wang)

Fasal 4: Waktu Wajib dan Waktu Mengeluarkan

Fasal 5: Kepada Siapa Zakat Fitrah itu Diagihkan

FASAL 1

PENGERTIAN ZAKAT FITRAH, HUKUM DAN HIKMAHNYA

Pengertian Zakat Fitrah

Zakat fitrah adalah zakat yang wajib dikeluarkan atas sebab *al-fitr* (berbuka puasa) pada bulan Ramadan. Ia juga disebut dengan sedekah fitrah. Kita telah jelaskan lafaz sedekah menurut syarak yang memberi maksud zakat yang fardu. Sebagaimana yang banyak dinyatakan dalam al-Quran dan sunah sepertimana ia dinamakan juga sebagai zakat fitrah. Seolah-olah sedekah itu adalah (sebahagian) daripada fitrah atau asal kejadian. Maka kefarduannya merupakan penyucian jiwa dan membersihkan amalannya.

Harta yang dikeluarkan di sini dikenali sebagai fitrah. Perkataan ini adalah perkataan asing yang bukan berasal daripada bahasa Arab dan juga bukan perkataan yang diserap ke dalam bahasa Arab. Bahkan ia adalah istilah para fuqaha.¹

1 Menurut Ibn 'Abidin di dalam kitab *Hasyiah* nya bertajuk *al-Nahr 'ala Syarh al-Wiqayah* bahawa lafaz 'fitrah' yang digunakan oleh fuqaha dan selain mereka merupakan lafaz baharu sehinggakan sebahagian mereka menganggap ia merupakan kesalahan bahasa masyarakat awam. Pengertian fitrah di sini adalah sedekah yang bukan dari sudut bahasa Arab. Ini kerana ia bukan bermaksud demikian. Sedangkan menurut kamus, maksud fitrah adalah sedekah fitrah dan semulajadi. Namun sebahagian ulama telah membantah pengertian pertama yang tidak tepat, ini kerana harta yang dikeluarkan tidak diketahui melainkan daripada penentu syariat (Allah dan Rasul-Nya). Dan ia dikira sebagai kesalahan di dalam kamus yang banyak berlaku percampuran antara istilah-istilah syariat dan konteks bahasa. Dalam kitab *al-Maghrib*, perkataan fitrah yang difahami dengan makna ini telah datang daripada ungkapan Imam al-Syafie dan selainnya. Ia sah berdasarkan perspektif bahasa meskipun aku tidak menemui asas-asasnya. Menurut kitab *Tahrir al-Alfaz al-Tanbih* karangan Imam al-Nawawi menyatakan bahawa perkataan fitrah merupakan nama terbitan baharu. Berkemungkinan fitrah itu bermaksud *al-khilqah* (ciptaan semulajadi). Menurut Abu Muhammad Al-Abhari, makna zakat fitrah adalah zakat *al-khilqah*. Seakan-akan ia adalah zakat badan. Menurut kitab Al-Misbah: "Mereka yang terdiri daripada ulama menyatakan makna *al-fitr* adalah asal usul kejadian. Zakat fitrah hukumnya wajib iaitu zakat badan. Iaitu *mudhaf* dibuang dan *mudhaf ilaihi* dikekalkan pada tempatnya yang mana *mudhaf* tidak digunakan kerana makananya difahami." Al-Qahastani juga menyebut perkara yang sama, beliau menukilkan pandangan sebahagian ulamak: "ia dinamakan zakat *al-ra's* (zakat kepala) dan zakat badan". Natijahnya: lafaz 'fitrah' tidak diragui keabsahannya dari sudut bahasa. Ia bermakna *al-khilqah*. Adapun secara mutlak, ia bermaksud harta yang dikeluarkan. Sekiranya ia disebut secara umum tanpa *mudhaf*, maka ia adalah istilah syarak yang baharu. Manakala jika disertakan dengan *mudhaf*, maka ia memberi maksud daripada segi bahasa. Moga-moga ini pendapat yang tepat sepertimana yang dimaksudkan oleh pengarang kitab *al-Maghrib*. (Lihat: *Radd al-Muhtar*: jilid 2, hlm. 78).

FASAL 2

KE ATAS DAN KEPADA SIAPA ZAKAT FITRAH ITU DIWAJIBKAN?

Ke Atas Siapa Zakat Fitrah Itu Diwajibkan?

Dalam hadis riwayat Ibn Umar yang lalu yang diriwayatkan oleh ulama *Sunan Sittah* bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ، ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya:

*Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan keatas individu yang merdeka atau hamba sama ada lelaki atau perempuan dalam kalangan umat Islam.*¹⁶

Al-Bukhari juga meriwayatkan daripada beliau yang berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى، وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Maksudnya:

*Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah sebanyak satu gantang tamar atau satu gantang tepung barli ke atas hamba sahaya, merdeka, lelaki, perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa dalam umat Islam.*¹⁷

(Riwayat Bukhari)

Begitu juga yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a berkenaan zakat fitrah yang diwajibkan keatas setiap individu yang merdeka dan hamba sahaya, samada lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa, fakir atau kaya:

¹⁶*Al-Taqaayid wa al-Idhah*, no. Hadis: 111.

¹⁷Sahih Bukhari, no. Hadis: 1503.

FASAL 3

KADAR DAN JENIS ZAKAT FITRAH

Mazhab yang berpendapat kadar wajib sebanyak satu gantang makanan. Hadis daripada Ibn Umar, beliau berkata:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memfardukan Zakat Fitrah pada bulan Ramadan dengan kadar satu gantang daripada tamar atau satu gantang daripada barli.⁴³

(Hadis Riwayat Syuaib)

Hadis riwayat Abu Said al-Khudri, beliau berkata:

كُنَّا نُخْرِجُ زَكَاةَ الْفِطْرِ إِذْ كَانَ فِيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ أَقِطٍ، فَلَمْ نَزَلْ كَذَلِكَ حَتَّى قَدِمَ عَلَيْنَا مُعَاوِيَةُ الْمَدِينَةُ، فَقَالَ: إِنِّي لَأَرَى مُدَّةَيْنِ مِنْ سَمَرَاءِ الشَّامِ يَعْدِلُ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، فَأَخَذَ النَّاسُ بِذَلِكَ. ” رَوَاهُ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya:

“Kami mengeluarkan zakat fitrah, ketika Rasulullah SAW ada bersama kami, satu gantang makanan, satu gantang tamar, satu gantang tepung barli, satu gantang kismis atau satu gantang keju. Kami terus melakukan itu sehingga Mu’awiyah datang kepada kami di Madinah.” Beliau berkata:

⁴³Takhrij Musykil al-Athar, no. Hadis: 3427.

FASAL 4

WAKTU MENGELUARKAN ZAKAT FITRAH

Tempoh Masa Menunaikan Zakat Fitrah

Ulama Islam telah bersepakat, bahawa zakat fitrah itu wajib dengan bermulanya bulan Ramadan, sebagaimana hadis Umar yang lalu:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ.

Maksudnya:

*Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan.*¹⁰⁴

(Riwayat Muslim)

Para ulama berbeza pendapat tentang tempoh waktu wajib mengeluarkan zakat fitrah. Imam Syafie, Ahmad, Ishaq, al-Thauri dan Imam Malik dalam salah satu riwayat menyatakan: “Zakat fitrah itu wajib dengan sebab terbenamnya matahari pada hari akhir di bulan Ramadan, kerana zakat fitrah itu diwajibkan untuk menyucikan orang yang berpuasa, manakala ibadat puasa pula berakhir dengan sebab terbenamnya matahari, oleh itu zakat fitrah diwajibkan.”

Imam Abu Hanifah dan pengikutnya, Imam al-Laith, Abu Thaur dan Imam Malik dalam salah satu riwayat berpendapat zakat fitrah itu wajib dengan sebab terbitnya fajar Hari Raya, kerana zakat fitrah itu ibadat yang berkaitan dengan Hari Raya. Maka tidak boleh kewajipan zakat mendahului Hari Raya, seperti ibadat korban Hari Raya Aidiladha.¹⁰⁵

Perbincangan masalah ini, timbul khilaf dalam persoalan anak yang dilahirkan setelah terbenamnya matahari dan sebelum terbit fajar Hari Raya. Apakah wajib mengeluarkan zakat baginya atau tidak? Begitu juga persoalan seorang mukalaf yang meninggal dunia pada waktu tersebut.¹⁰⁶

¹⁰⁴*Sahih Muslim*, hlm. 984 dalam Kitab Zakat, no. Hadis: 2150.

¹⁰⁵*Al-Mughni*, jilid 3, hlm. 67-68.

¹⁰⁶*Bidayah al-Mujtahid*, jilid 1, hlm. 273.

FASAL 5

GOLONGAN YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT FITRAH

Ijmak Ulama bahawa Golongan yang Berhak Menerima Zakat Fitrah adalah Fakir Miskin yang Beragama Islam

Ibn Rusyd berkata: “Kepada siapa zakat fitrah diberikan?” Para ulama telah bersepakat ia diberikan kepada fakir miskin yang beragama Islam berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

أَغْنُوهُمْ فِي هَذَا الْيَوْمِ

Maksudnya:

*Cukupkanlah mereka pada hari ini.*¹²⁴

(Riwayat al-Daruqutni dan al-Baihaqi)

Perbezaan Pendapat tentang Golongan Fakir Miskin Ahli *Zimmah*

Ibn Rusyd berkata: “Para ulama berbeza pendapat tentang adakah orang fakir ahli *zimmah* berhak menerima zakat fitrah? Jumhur ulama berpendapat bahawa mereka tidak berhak menerimanya. Manakala, Imam Abu Hanifah berpendapat mereka berhak menerimanya. Ulama berbeza pendapat tentang *illah* (sebab) keharusan menerima zakat fitrah itu sama ada kefakiran sahaja atau kefakiran dan Islam. Jika sebabnya fakir dan Islam, maka ulama berpendapat tidak boleh dan jika kefakiran sahaja, maka ia dibolehkan. Segolongan ulama mensyaratkan ahli *zimmah* yang boleh menerima zakat ialah para *rahib* (pendeta)¹²⁵. Ibn Abi Syaibah meriwayatkan Abu Maisarah memberikan zakat fitrah kepada para *rahib*.¹²⁶ ‘Amru bin Maimun, ‘Amru bin Syurahbil dan Murrah al-Hamdani memberi sebahagian zakat fitrah kepada para *rahib*.¹²⁷

Perbuatan memberi zakat fitrah kepada golongan ini adalah merupakan gambaran nilai kemanusiaan yang tinggi yang terbit daripada toleransi Islam. Ini menunjukkan bahawa

¹²⁴ *Tamam al-Minnah*, hlm. 388.

¹²⁵ *Bidayah Al-Mujtahid*, jilid 1, hlm. 73.

¹²⁶ *Al-Musannaf*, jilid 4, hlm. 39.

¹²⁷ *Al-Mughni*, jilid 3, hlm. 78.

B A B 8

ADAKAH KEWAJIPAN LAIN SELAIN ZAKAT?

Kita menemui pelbagai pendapat yang masyhur dalam pelbagai masalah sehingga sebahagian orang menyangka itu satu-satunya pendapat yang benar dan tiada pendapat lain walaupun alasannya lemah dan pemikirannya cetek. Antaranya adalah pendapat yang tersebar dalam kalangan para fuqaha zaman mutakhir mengenai tiada kewajipan lain selain zakat seolah-olah pendapat demikian telah diterima oleh kebanyakan mereka yang sedang mendalami ilmu agama.

Pada bahagian ini, saya ingin membincangkan permasalahan tersebut berdasarkan nas-nas yang menyakinkan dan akhirnya dapat mengemukakan pendapat yang benar kepada permasalahan tersebut.

Bahagian ini terbahagi kepada tiga fasal:

Fasal 1: Penjelasan mengenai pendapat yang menolokada kewajipan lain selain zakat.

Fasal 2: Pendapat yang menyatakan ada kewajipan lain selain zakat.

Fasal 3: Kesimpulan mengenai perbezaan pendapat antara kedua golongan dan pendapat yang paling tepat.

FASAL 1

PENDAPAT YANG MENOLAK KEWAJIPAN ZAKAT

Ramai fuqaha¹³⁸ berpendapat bahawa zakat adalah satu-satunya kewajipan ke atas harta. Sesiapa yang telah berzakat, maka dia telah membersihkan hartanya dan bebas kewajipan ke atas hartanya. Seseorang itu tiada kewajipan lagi ke atas hartanya apabila telah mengeluarkan zakat kecuali sedekah sunat untuk mengharapkan pahala yang lebih besar dari Allah SWT. Ini adalah pendapat yang masyhur dalam kalangan ahli Fiqh zaman mutakhir sehingga hampir tiada pendapat lain.

Hadis-hadis yang menjadi dalil golongan ini adalah seperti berikut:

1. Hadis riwayat Bukhari dan Muslim serta riwayat lain daripada Talhah r.a beliau berkata:

جاء رجل إلى رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم من أهل نجد ثائر الرأس،
نسمع دوي صوتيه، ولا نفقه ما يقول حتى دنا من رسول الله صَلَّى الله عليه
وسلم، فإذا هو يسأل عن الإسلام، فقال رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم:
خمس صلوات في اليوم، والليلة فقال: هل علي غيرهن؟ قال: لا، إلا أن
تطوع، وصيام شهر رمضان، فقال: هل علي غيرهن؟ فقال: لا، إلا أن
تطوع، وذكر له رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم الزكاة، فقال: هل علي
غيرها؟ قال: لا، إلا أن تطوع، قال: فأدبر الرجل، وهو يقول: والله لا أزيد
على هذا، ولا أنقص منه، فقال رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم: أفلح إن صدق
صدق أو دخل الجنة إن صدق

Maksudnya:

Seorang lelaki penduduk Najd datang menghadap Rasulullah SAW. Beliau berambut kusut masai dan suaranya garau dan pertuturannya sukar difahami. Setelah hampir dengan Nabi SAW, lelaki itu bertanya kepada

¹³⁸Dalam *al-Bahr*, penulisnya menisbalkannya kepada 'paling ramai' (jilid 2, hlm. 138).

FASAL 2

PENDAPAT YANG MENYATAKAN DALAM HARTA ADA KEWAJIPAN SELAIN ZAKAT

Sejak zaman sahabat sehingga zaman tabiin terdapat pandangan menyatakan bahawa dalam harta kekayaan ada kewajipan selain zakat. Pendapat tersebut datang daripada golongan Sahabat r.a. iaitu Sayidina Umar, Sayidina Ali, Sayidina Abu Dzar, Saidatina Aisyah, Ibn Umar, Abu Hurairah, Hasan bin Ali dan Fatimah binti Qais. Pendapat itu disahkan oleh al-Sya'bi, Mujahid, Tawus, 'Aṭa' dan lain-lain dalam kalangan tabiin.

Dalil-Dalil Golongan Ini

Pertama, mereka mengambil dalil daripada firman Allah SWT:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى
حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنَى السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ
هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

Maksudnya:

Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang

FASAL 3

KESIMPULAN DAN TARJIH

Analisis Asas yang diperselisihkan antara Dua Pandangan

Bagi pendapat saya, setelah dikemukakan pandangan daripada dua golongan tersebut beserta dalil-dalil masing-masing, maka dapat disimpulkan perbezaan pandangan di antara keduanya yang tidak besar kerana terdapat persamaan yang dipersetujui di antara keduanya seperti berikut:

- a. Hak ibu dan bapa untuk diberikan nafkah oleh anaknya yang berkemampuan jika sekiranya kedua-duanya memerlukan. Hal ini tiada pertikaian.
- b. Kerabat terdekat juga mempunyai hak yang sama, tiada perselisihan dalam hal ini dari sudut asasnya. Namun, apa yang diperselisihkan adalah maksud kerabat terdekat yang wajib diberi nafkah di antara pandangan yang meluaskan dan menyempitkan skop tersebut.
- c. Hak orang yang memerlukan makanan ruji, pakaian ataupun tempat perlindungan disebabkan darurat, kesemuanya itu tiada perselisihan padanya. Al-Jasas berkata dalam kitabnya *Ahkam al-Quran*; “Apa yang wajib dikeluarkan daripada harta adalah zakat kecuali apabila berlaku sesuatu keadaan yang mewajibkan seseorang untuk memberikan pertolongan seperti pertolongan kepada orang yang kelaparan, orang yang tiada pakaian untuk menutup auratnya, mayat yang perlu dikafan atau ditanam di tanah perkuburan.”²⁰³ Termasuk dalam golongan yang terdesak yang memerlukan kepada pertolongan juga ialah orang yang sangat memerlukan pinjaman seperti baldi, periuk belanga, kapak dan selainnya yang tergolong dalam pengertian *al-Ma’un*. Maka, menolak kemudaratatan terhadap Muslim adalah fardu kifayah menurut ijmak.
- d. Hak kaum Muslim untuk membantu mangsa bencana yang menimpa masyarakat seperti menghadapi bahaya musuh, menyelamatkan para tawanan kaum Muslimin daripada orang kafir dan juga memerangi wabak serta kelaparan dan sebagainya. Tiada seorang pun ulama Fiqh yang menyatakan pandangan berbeza bahawa kepentingan umum hendaklah didahulukan berbanding kepentingan individu.

²⁰³ *Ahkam al-Quran*, al-Jasas, jilid 3, hlm. 131.

B A B 9

ZAKAT DAN CUKAI

Bahagian ini terdiri daripada lapan fasal:

Fasal 1: Hakikat Cukai dan Zakat

Fasal 2: Asas Teori Kewajipan Cukai dan Zakat

Fasal 3: Sumber Cukai dan Zakat

Fasal 4: Prinsip Keadilan Antara Cukai dan Zakat

Fasal 5: Perubahan Kadar dalam Pembayaran Cukai dan Zakat

Fasal 6: Jaminan Cukai dan Zakat

Fasal 7: Pelaksanaan Cukai di samping Zakat

Fasal 8: Adakah Membayar Cukai telah Memenuhi Kewajipan Zakat

FASAL 1

HAKIKAT CUKAI DAN ZAKAT

Definisi cukai menurut pakar kewangan ialah kewajipan yang ditetapkan terhadap masyarakat sesebuah negara yang wajib dikenakan cukai. Cukai diperuntukkan kepada negara sesuai dengan ketentuan, tanpa melihat kepada manfaat yang akan kembali kepadanya melalui khidmat yang dilaksanakan oleh pemerintah. Hasil cukai ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan negara dan merealisasikan sebahagian matlamat ekonomi, sosial, politik serta tujuan-tujuan lain yang ingin dicapai oleh negara.¹

Menurut ulama fiqh, zakat ialah hak tertentu yang diwajibkan terhadap harta kaum Muslimin yang diperuntukkan kepada golongan fakir miskin dan orang yang berhak (asnaf) yang lainnya seperti termaktub dalam al-Quran. Zakat merupakan tanda kesyukuran di atas nikmat Allah SWT. Ia juga dilaksanakan untuk mendekatkan diri kepada-Nya, serta untuk membersihkan diri dan harta mereka.

Persamaan antara Zakat dan Cukai

Kedua-dua definisi menunjukkan terdapat beberapa persamaan dan juga perbezaan antara zakat dan cukai. Beberapa persamaan tersebut adalah:

1. Unsur paksaan dan kewajipan yang terdapat dalam cukai, juga terdapat dalam zakat. Apabila seorang Muslim yang berkemampuan namun terlambat membayar zakat disebabkan oleh keimanan dan keislamannya belum kuat, pemerintah Islam akan memaksanya, bahkan memerangi mereka yang enggan membayar zakat.
2. Cukai dibayar kepada pihak-pihak dan badan-badan berkuasa sama ada pada perbendaharaan awam dan juga pihak berkuasa dalam sesebuah negara. Begitu juga dengan zakat. Pada dasarnya zakat harus diserahkan kepada pemerintah sebagai jabatan yang disebut dalam Quran: *amil zakat*. Perkara tersebut telah dibincangkan sebelum ini.

¹Diambil dari buku: *Prinsip-prinsip Ilmu Kewangan*, Dr. Muhammad Fuad Ibrahim, jilid 1, hlm. 261. Definisi tersebut disimpulkan setelah dibahas sifat-sifat dan tujuan cukai.

FASAL 2

ASAS TEORI KEWAJIPAN CUKAI DAN ZAKAT

Kemungkinan yang menjelaskan hakikat zakat ialah teori yang dikemukakan oleh ahli-ahli kewangan pada umumnya mengenai penetapan cukai konvensional dan asas wajib cukai menurut hukum. Dengan perbandingan ini, makin jelas kepada kita bahawa zakat itu sebagai kewajipan dari Tuhan dan sebagai cukai suci yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan dan falsafah tersendiri.

Asas Hukum mengenai Kewajipan Cukai

Para pengkaji dan pemikir berbeza pendapat mengenai asas hukum terhadap kewajipan masyarakat untuk membayar cukai.

Teori Perjanjian

Para ahli falsafah abad ke-19 berpendapat, bahawa cukai diwajibkan atas dasar hubungan timbal-balik negara dengan anggota masyarakat. Para penyokong teori ini memandang bahawa cukai itu dibayar sebagai imbalan perkhidmatan yang diperolehi pemilik harta berupa perlindungan atas segala kepentingan umum, di bawa satu perjanjian yang termaterai antara negara dengan warganya. Idea ini adalah aplikasi kepada teori “Kontrak Sosial” yang dikemukakan oleh Jane Jack Rossou mengenai asas negara.

Para pendukung teori timbal-balik berbeza aliran dalam menyesuaikan sifat perjanjian yang termaterai antara negara dengan rakyat. Mirabau berkata: “cukai adalah perlindungan berkelompok yang dibeli oleh individu dengan harga segera.. Ini bererti bahawa perjanjian itu berbentuk akad jual beli.” Adam Smith berkata: “Perjanjian ini berbentuk penyewaan perkhidmatan atas pekerjaan. Negara memberikan pelbagai perkhidmatan bagi warganya, maka warga negara membayar cukai kepada negara sebagai upah atas pekerjaan-pekerjaannya.” Montesque dan Hobes berkata: “Perjanjian ini berbentuk insurans. Cukai adalah ansuran insurans harta yang dibayar oleh pemilik kekayaan demikian cukai adalah bahagian harta yang wajib diserahkan oleh pemilik kekayaan untuk melindungi hartanya yang lain.”

FASAL 3

KANTUNG CUKAI DAN ZAKAT

Sumber cukai ialah perolehan yang tertakluk kepada sistem cukai itu sendiri. Sarjana bidang kewangan telah membahagikan cukai berdasarkan sumbernya seperti berikut iaitu:

1. Cukai Modal
2. Cukai Pendapatan
3. Cukai Individu
4. Cukai Kepenggunaan

Dalam bab zakat, Islam tidak mengenakan cukai kepenggunaan, kerana pada dasarnya zakat dipungut dari orang kaya dan diberikan kepada orang miskin dan untuk pelbagai kepentingan umum bagi agama dan masyarakat. Pengguna boleh jadi orang miskin dan juga kaya. Orang yang memperkenalkan cukai kepenggunaan pada hakikatnya bertujuan untuk menambah pendapatan. Namun, menurut Islam, menambah pendapatan tidak dianggap penting, apabila ia bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang lain. Ajaran Islam terdapat bentuk-bentuk cukai lain, iaitu cukai modal, cukai pendapatan dan cukai individu.

Ketiga-tiga jenis cukai itu kami bincangkan dalam bab ini dengan mengadakan perbandingan antara zakat dan hal-hal yang menyerupai cukai, dengan perbahasan yang sederhana, tidak panjang dan tidak pula ringkas.

Perbahasan Pertama

Zakat ke atas Kekayaan

Kadar harta yang wajib dizakatkan dalam Islam adalah nyata serta jelas, syariat Islam tidak hanya memungut dengan satu sistem cukai, sebagaimana dikemukakan oleh sebahagian pemikir dalam bidang ekonomi pada beberapa kurun yang lalu. Bahkan dalam bab zakat disebutkan, bahawa zakat dipungut dalam pelbagai sistem cukai. Adakalanya zakat itu wajib atas harta kekayaan, seperti haiwan ternakan, emas, perak dan harta perniagaan, dan juga dari penghasilan atau pendapatan.

FASAL 4

PRINSIP KEADILAN ANTARA CUKAI DENGAN ZAKAT

Tanggungjawab cukai sebagai satu kewajipan yang mesti ditunaikan oleh setiap individu dan boleh dipaksa jika enggan mengeluarkan secara sukarela. Para sarjana ekonomi kewangan pada zaman moden ini mencadangkan supaya dinuat prinsip dan kaedah yang dapat mengelakkan daripada berlakunya kezaliman dan penindasan dalam percukaian. Undang-undang percukaian yang disusun oleh kerajaan juga perlu menepati prinsip keadilan, di samping dapat mencapai sasaran serta tidak membebankan pembayar cukai. Antara sarjana yang menjelaskan prinsip dan kaedah percukaian tersebut ialah Adam Smith, Fajnz dan Sismondi.

Terdapat empat prinsip utama dalam percukaian, iaitu keadilan, kepastian, kemunasabahan dan kesederhanaan. Asas dan kaedah ini dianggap sebagai undang-undang yang wajib dilaksanakan dan tidak boleh diingkari oleh penguasa dan pentadbir kewangan.⁴⁶ Hakikatnya Islam terlebih dahulu memperkenalkan prinsip-prinsip tersebut menerusi kewajipan zakat lebih dari 1000 tahun sebelum Adam Smith dan yang lain. Perbincangan berikut akan menjelaskan berkaitan prinsip-prinsip tersebut.

Perbincangan Pertama

Prinsip Keadilan

Keadilan adalah prinsip pertama yang wajib diberi perhatian dalam setiap cukai yang dikenakan kepada masyarakat. Adam Smith menjelaskan berkaitan prinsip tersebut di mana beliau berkata: “seluruh rakyat wajib berperanan dalam perbelanjaan negara berdasarkan kepada kadar kemampuan masing-masing, iaitulah mengikut kadar pendapatan masing-masing yang dilindungi oleh negara.”⁴⁷ Prinsip ini sesuai dengan syariat Islam secara umum dan juga prinsip zakat secara khusus. Ini kerana keadilan dalam Islam dituntut dalam segala keadaan.

⁴⁶Buku *Mabadi al-Ilm al-Maliah al-Ammah* (Prinsip-prinsip Ilmu Kewangan Umum), Dr. Muhammad Fuad Ibrahim, jilid 1, hlm. 262-3.

⁴⁷Ahli Falsafah Ekonomi Inggeris, muncul pada abad ke-18, mengarang buku *Kekayaan Bangsa-bangsa*, dianggap sebagai Bapa Ekonomi Liberal.

FASAL 5

KADAR TETAP DAN BERTINGKAT PADA CUKAI DAN ZAKAT

Cukai Tetap (Berkadar Sama) dan Cukai Bertingkat (Progresif)

Cukai tetap ditakrifkan sebagai cukai yang tetap kadarnya, meskipun barangan yang dicukai berubah. Misalnya ketetapan ke atas cukai pendapatan atau kekayaan kadarnya adalah 10%. Kadar ini digunakan bagi apa jua pendapatan atau kekayaan, besar mahupun kecil. Manakala cukai bertingkat (progresif) ialah adanya kenaikan kadar cukai kerana bertambahnya barang yang dicukai. Misalnya cukai 10% bagi pendapatan 100 junaih pertama, 12% bagi 100 junaih kedua, 15% bagi 100 junaih ketiga dan begitulah seterusnya.⁸¹

Cukai progresif ini merupakan bentuk cukai yang dicadangkan daripada kebanyakan pihak pada hari ini. Mereka mengemukakan berbagai hujah untuk menjelaskan keadilan cukai ini, meskipun tidak lekang daripada pelbagai bentuk kritikan. Hujah mereka yang terpenting adalah seperti berikut:

1. Kebiasaannya orang yang kaya akan menjana pulangan modal yang berganda. Ini bermaksud, semakin banyak seseorang itu mendapat pulangan (keuntungan), semakin bertambah kemampuan mereka untuk mengembangkan kekayaan. Bahkan keupayaan untuk mengumpul dan memperoleh pendapatan meningkat lebih daripada nisbah jujukan berangka, oleh yang demikian cukai yang dikenakan mestilah lebih daripada kadar peningkatan pulangan tersebut kerana kemampuannya untuk memikul bebanan cukai.
2. Cukai bertingkat adalah cara yang terbaik untuk merapatkan jurang perbezaan kekayaan dan pendapatan di mana kekayaan itu tidak dapat diagihkan secara sama rata dikalangan masyarakat. Oleh kerana itu sistem cukai bertingkat perlu dilaksanakan bagi membentulkan keadaan demikian dan merapatkan kembali jurang perbezaan orang kaya dan orang miskin.

⁸¹*Mabadi an-Nazariah al-Amah Lid-Dharibah (Prinsip-prinsip Teori Umum Tentang Cukai)*, hlm. 121.

FASAL 6

JAMINAN CUKAI DAN ZAKAT

Mengelak daripada Membayar Cukai

Cukai dikenakan ke atas sesuatu yang amat berharga bagi manusia iaitu harta yang amat disayangnya. Oleh sebab itu, ramai yang cuba untuk mengelak daripada membayar cukai dengan pelbagai cara sehingga ada di antara mereka yang jujur dalam pergaulan seharian pun banyak yang hilang kejujurannya ketika berhadapan dengan kerajaan. Maka kejujuran itu suatu entiti abstrak yang tidak dapat disentuh.

Faktor Pengelakan

Faktor penyebab seseorang mengelak daripada membayar cukai kebanyakannya berpunca daripada pelbagai masalah psikologi, seperti ingin mengekalkan hartanya, mendakwa cukai itu tidak adil, tidak melihat adanya manfaat yang dapat diperoleh daripada kerajaan bagi dirinya atau mendapati bahawa hasil cukai itu tidak digunakan untuk kepentingan umum. Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa kerajaan meminta lebih daripada apa yang dapat diberikan kepadanya, atau kerana mengikut orang lain yang menolak cukai agar bersama-sama tidak membayarnya, mereka juga mengelak daripada membayar cukai tertentu dengan beranggapan bahawa cukai yang sudah dibayarnya secara paksa memadai untuk menggantikan cukai tersebut.

Cubaan untuk mengelak daripada membayar cukai akan menjadi semakin berleluasa apabila cukai yang dikenakan itu semakin bertambah dan berat. Daripada satu sudut pembayar cukai tidak merasakan keadilan dalam pelaksanaan cukai. Demikian pula apabila mereka merasa bahawa tadbir urus cukai itu tidak baik daripada pihak kerajaan.

Cara Mengelak daripada Cukai

Untuk melepaskan diri daripada cukai banyak caranya. Pembayar cukai akan cuba mencari apa sahaja ruang yang boleh digunakan dalam undang-undang untuk mencapai hasratnya. Cara ini dinamakan (pengelakan cukai yang sah mengikut undang-undang) iaitu yang tidak akan dikenakan sebarang tindakan perundangan.

FASAL 7

ADAKAH DIBENARKAN UNTUK MENGENAKAN CUKAI DI SAMPING ZAKAT?

Apabila Islam telah mewajibkan zakat sebagai tanggungjawab tertentu dalam harta kaum Muslimin dan menjadikannya sebagai cukai yang diuruskan oleh pemerintah Islam sama ada pungutan mahupun agihan, maka adakah pemerintah Islam boleh mewajibkan cukai-cukai lain kepada golongan kaya untuk membangunkan kemaslahatan ummah dan menampung perbelanjaan umum negara, atau adakah hanya zakat yang dianggap sebagai kewajipan kaum Muslimin tidak selainnya?

Justeru, bagi menjelaskan lagi persoalan ini menurut perspektif Islam, saya telah membahaskannya kepada tiga perbahasan:

Perbahasan Pertama:	Dalil-dalil yang membolehkan dikenakan cukai.
Perbahasan Kedua:	Syarat-syarat kewajipan cukai.
Perbahasan Ketiga:	Hujan/keraguan oleh mereka yang tidak mahu membayar cukai

Perbahasan Pertama

Dalil-Dalil Yang Membenarkan Penguatkuasaan Cukai Bersama Zakat

Dalil-dalil yang membenarkan penguatkuasaan cukai bersama zakat adalah sebagaimana berikut:

1. Jaminan Sosial adalah Suatu Kewajipan

Kita tidak perlu mengemukakan lagi perbahasan mengenai hukum “adakah terdapat kewajipan selain zakat harta?” Namun, cukuplah di sini disebutkan bahawa semua ulama bersepakat akan kewajipan ke atas umat Islam jika ada keperluan umum yang wajib dipenuhi, sehinggakan golongan yang mengatakan bahawa tiada kewajipan lain selain zakat secara tegas pun turut bersetuju. Hal ini turut disokong oleh apa yang telah kita tekankan dalam perbincangan awal berkenaan teori-teori takaful dan persaudaraan sebagai prinsip kewajipan zakat. Kedua-dua konsep ini juga merupakan prinsip untuk semua kewajipan bagi harta selain kewajipan zakat.

FASAL 8

ADAKAH CUKAI BOLEH MENGGANTIKAN ZAKAT?

Persoalan yang Menuntut Jawapan

Sering berlegar dan diperdebatkan oleh masyarakat Muslim berkaitan isu menggantikan zakat dengan cukai. Iaitu membayar cukai sebagai ganti kepada pembayaran zakat. Isu ini amat penting dan tidak boleh dielakkan untuk dibincangkan. Individu yang memiliki kekayaan sudah pasti membayar pelbagai bentuk cukai kepada kerajaan sama ada cukai tersebut cukai yang progresif atau berkadar. Jumlah cukai yang dibayar biasanya dengan kadar yang lebih tinggi berkali ganda daripada kadar zakat yang disyariatkan dalam Islam. Hasil cukai yang dikutip merupakan sumber kepada perbendaharaan negara dan kerajaan membelanjakannya sebagaimana yang dirancang dalam belanjawan tahunannya.

Bukan sesuatu yang meragukan bagi kerajaan mengagihkan cukai kepada asnaf yang juga termasuk dalam kalangan mereka yang layak menerima zakat seperti mengagihkan dana kebajikan kepada golongan miskin, golongan yang lemah dan juga gelandangan, menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada para penganggur. Ini kerana kebanyakan negara mempunyai jabatan kebajikan dan pembangunan sosial mereka sendiri yang mengurus pemberian biasiswa, bantuan perubatan secara percuma kepada fakir miskin dan bantuan-bantuan lain.

Oleh yang demikian, timbul persoalan, adakah cukup bagi seseorang Muslim hanya membayar cukai-cukai ini sahaja tanpa perlu membayar zakat? Adakah cukai yang dibayar menutup kewajipan berzakat kerana menjadi tanggungjawab pemerintah untuk memenuhi keperluan fakir miskin dan keseluruhan asnaf zakat? Atau adakah seorang individu pembayar cukai perlu membayar zakat secara individu atau membayar kepada institusi atau organisasi kutipan zakat di samping cukai yang mereka bayar kepada kerajaan?

Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu ingat bahawa zakat itu perlu memenuhi tiga syarat asas zakat yang tanpanya menjadikan zakat itu tidak wujud. Tiga syarat tersebut adalah:

1. Mengikut kadar yang ditetapkan oleh syarak, iaitu 2.5%, 5% atau 10%.
2. Perlu disertakan dengan niat yang khusus, iaitu berniat mendekatkan diri kepada

PENUTUP

Zakat: Sistem Baharu dan Unik

Saya menganggap telah jelas perbincangan dalam bab-bab dan fasa-fasa berkenaan zakat yang diwajibkan oleh Islam dan bermula di Madinah ini merupakan sebuah sistem baharu yang unik dan belum pernah ada pada mana-mana agama samawi ataupun dalam undang-undang ciptaan manusia. Zakat merangkumi sistem kewangan, ekonomi, sosial, politik, moral dan agama sekaligus. Ia adalah cukai kewangan yang jelas dikenakan kepada setiap individu seperti zakat fitrah dan ia juga dikenakan ke atas modal dan pendapatan. Oleh itu ia menjadi sumber pendapatan yang kekal dan berterusan ke dalam perbendaharaan awam negara Islam (*baitulmal*), yang diagihkan untuk membebaskan kesemua umat Islam daripada belenggu kesusahan dan memenuhi keperluan ekonomi mereka. Ia juga adalah peperangan ke atas pengumpulan dan penyorokan harta yang menyebabkan harta tersebut terhalang daripada pergerakan dan pelaburan di pasaran.

Zakat adalah sistem sosial, kerana ia memberi jaminan kepada individu dalam masyarakat yang menghadapi sebarang ketidakmampuan fizikal dan mental, kemalangan, bencana dan malapetaka. Ia juga merealisasikan aspirasi kemanusiaan dalam perpaduan dan jaminan sosial, di mana orang kaya membantu orang miskin, yang kuat menolong yang lemah, yang kaya memberi kepada yang miskin dan pengembara (*ibn sabil*). Jurang antara golongan kaya dan miskin semakin mengecil dan unsur-unsur hasad dan dengki, sombong dan kebencian juga berkurangan. Selain itu, dari segi kewangan, sistem zakat juga membantu golongan miskin yang berusaha untuk menjadi orang tengah bagi mendamaikan pertikaian demi memenuhi objektif sosial dan moral zakat. Ia juga boleh memainkan peranan dalam menyelesaikan banyak permasalahan sosial dan membantunya merealisasikan objektif dan matlamatnya yang mulia.

Zakat juga sebahagian daripada sistem politik kerana asas zakat adalah diurus tadbir oleh negara. Kerajaan Islam bertanggungjawab sepenuhnya untuk memungut dan mengagihkan zakat mengikut prinsip keadilan, menentukan keperluan dan mengutamakan yang lebih penting serta melantik petugas-petugas yang perlu seperti amil zakat dan sebagainya. Terdapat beberapa kategori agihan zakat yang hanya boleh diputuskan oleh pihak pemerintah kerana ia merupakan urusan negara. Sebagai contoh, mereka yang hendak dilembutkan hatinya (*mualaf*) dan perbelanjaan di jalan Allah (*fi sabilillah*).

Zakat turut mempunyai objektif moral yang bertujuan membersihkan jiwa orang-orang kaya daripada sifat kikir yang membinasakan serta sifat mementingkan diri sendiri. Ia juga bermatlamat untuk melatih golongan kaya supaya berkorban dan menyumbang untuk



Almarhum Dr. Yusuf al-Qaradawi merupakan sosok yang tidak asing dalam dunia fiqh khususnya fatwa, pemikiran dan dakwah Islam. Beliau dilahirkan pada 9 September 1926 di sebuah perkampungan Saft Turab di Mesir. Mendapat pendidikan rasmi di Universiti al-Azhar, dengan ijazah pertama dalam bidang Usuluddin, kemudian pada tahun 1973 beliau memperoleh ijazah kedoktoran dengan kelas pertama melalui tesisnya yang bertajuk "Zakat dan Kesannya dalam Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat." Ia kemudiannya dikembangkan kepada kitab Fiqh al-Zakat yang dianggap sebagai adiknya beliau yang diterjemahkan buat julung kalinya ke dalam bahasa Melayu. Naskhah asal yang dirujuk adalah daripada cetakan Maktabah Wahbah yang beroperasi di Mesir, edisi ke-25 iaitu edisi terkini yang telah dikemaskini terutamanya aspek takhrij hadis dan beberapa pandangan beliau umpamanya berkaitan zakat saham serta nujuk silang daripada beberapa terbitan naskhah Arab, terjemahan bahasa Indonesia dan Inggeris.

Penglibatan beliau mencakupi dunia akademik, pentadbiran, politik dan kemasyarakatan menjadikan beliau ulama kontemporari prolific. Beliau merupakan pelopor kepada madrasah pemikiran Wasatiyyah yang mempunyai ramai pengikut dan anak murid di seluruh negara. Beliau juga amat menitik beratkan kesatuan dalam kalangan para ulama dari pelbagai aliran yang menekankan tentang keperluan untuk bersatu dan bersepakat pada perkara yang dipersetujui terutama pada perkara prinsip serta berlapang dada atas perkara yang diselisihkan pada perkara yang bersifat cabang. Bagi memenuhi hasrat ini, beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Kesatuan Ulama Muslim Antarabangsa pada 2006 yang dianggotai oleh ulama dan pemikir dari pelbagai negara dan juga aliran. Penglibatan beliau terutama sekali untuk menyebar luaskan kefahaman Islam yang betul amat luas dalam pelbagai aspek dan lapangan selain bidang penulisan ilmiah, iaitu bidang dakwah dan kepimpinan, bidang kefatwaan, bidang ekonomi dan perbankan Islam, juga keanggotaan dalam pelbagai persatuan. Beliau dianggap sebagai faqih dalam kalangan para pendakwah dan juga pendakwah dalam kalangan ahli fiqh yang membawa prinsip kemudahan (taysir) dalam aspek fiqh dan memberi khabar gembira (tabsyir) dalam aspek dakwah.

